

Jilid 1
Bil. 11



Hari Selasa
26hb Oktober, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1231]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 1265]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983 [Ruangan 1265]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S.,
D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDIEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai
Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Bentong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

- Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHANG KUAI (Lumut).
- „ DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).

- Yang Berhormat **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOW KIA *alias* TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEOH POH SAN (Petaling).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suho bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 26hb Oktober, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

ESTATE-ESTATE—RUMAH PEKERJA

1. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan "Estate-estate" digalakkan untuk menyediakan rumah-rumah sendiri untuk pekerja-pekerjanya supaya apabila mereka bersara, mereka ada tempat tinggal. Berapa banyak skim seperti ini telah dilaksanakan oleh estate-estate ini. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan skim ini dilaksanakan oleh estate-estate.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Haji Zakaria bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menggalakkan tuan-tuan punya ladang supaya membina rumah-rumah untuk dimiliki oleh pekerja-pekerja mereka. Bagi tujuan itu satu skim memiliki rumah pekerja-pekerja di ladang-ladang telah dilaksanakan dan penyertaan secara sukarela telah digesa dari pemilik ladang-ladang untuk melaksanakan skim tersebut. Di antara ladang-ladang yang telah menyahut seruan itu adalah:

Ladang Batu Pekaka, Kuala Ketil, Kedah yang telah membina sejumlah 232 unit rumah.

Ladang Dovenby Sungai Siput, Perak sejumlah 108 unit; dan

Ladang Tenamaran, Batang Berjuntai, Selangor sejumlah 110 unit.

Selain dari ladang-ladang tersebut pembinaan sebanyak 240 unit rumah di Ladang Sengkang, Port Dickson, Negeri Sembilan sedang dirancangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebanyak 51 pemilik ladang-ladang di seluruh negara telah juga mempunyai rancangan-rancangan untuk melaksanakan skim memiliki rumah pekerja-pekerja ini. Ladang-ladang tersebut ialah seperti berikut:

10 di Negeri Johor,
16 di Negeri Selangor,
3 di Negeri Sembilan,
17 di Negeri Perak,
3 di Negeri Pahang,
1 di Negeri Melaka, dan
1 di Negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa masalah telah dihadapi di dalam pelaksanaan skim ini. Di antaranya ialah masalah-masalah berkaitan dengan penukaran syarat-syarat penggunaan tanah dan kelulusan pelan-pelan rumah. Masalah-masalah tersebut telah dapat diatasi sedikit sebanyak dengan mendapat persetujuan daripada Penguasa-penguasa Tempatan untuk mempercepatkan proses kelulusan pelan-pelan tapak dan perumahan. Memandangkan bahawa kadar pelaksanaan skim ini pada masa ini adalah kurang memuaskan, Kementerian saya sedang mengkaji masalah-masalah yang sedang dihadapi dengan lebih mendalam supaya skim ini dilaksanakan dengan lebih lancar pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Saya sangat terperanjat mendengar angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa skim untuk menggalakkan estet-estet membina rumah untuk pekerja-pekerja estet-estet dimulakan di masa Allahyarham Tun Abdul Razak, dekat 10 tahun dan daripada angka yang kita dapati baru 500 buah rumah dibina. 200 buah rumah dalam proses pembinaan, lain dalam pertimbangan dan satu tabung (fund) pusingan kalau tidak silap \$10 juta ada diperuntukkan tidak kurang daripada 5 tahun dahulu. Ini apa yang kita dapati ialah 500 buah rumah. Ini satu kegagalan yang besar. Bolehkah Kementerian yang berkenaan mengambil sikap selaras dengan satu Kerajaan yang cekap, yang licin dan beramanah untuk tukar konsep sekali mengenai perkara ini, janganlah 500 buah rumah sahaja selepas 10 tahun, selepas habis wang pusingan berjuta-juta ringgit. Apakah contingency plan crisis boleh diadakan untuk melancarkan skim lebih berjaya dan lebih berkesan.

Datuk Haji Zakaria bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan mengetahui bahawa skim ini dimulakan setelah dicadangkan oleh satu jawatankuasa khas yang membuat cadangannya pada tahun 1977. Dan apabila skim ini dimulakan satu rangka panduan pelaksanaan dicadangkan dan beberapa agensi yang terlibat telah dibawa berunding dan akhirnya tawaran atau gesaan kepada ladang-ladang supaya mengambil bahagian di dalam skim-skim ini secara sukarela telah dibuat secara besar-besaran. Pada peringkat permulaannya sebagaimana yang saya sebutkan tadi tiga ladang telah pun melaksanakan skim ini dan sekarang ini telah boleh dikatakan berjaya kerana pekerja-pekerja mereka sebanyak bilangan yunit yang saya sebutkan tadi sedang menikmati kemudahan-kemudahan yang diperolehi daripada skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyebut di dalam jawapan saya tadi dan menyedari bahawa skim ini didapati berjalan tidak begitu lancar dan menyedari hakikat ini dan saya sendiri sebagai seorang anggota Kerajaan

yang cekap sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dalam soalnya telah pun sendiri melihat. Yang pertama, saya membuat lawatan ke semua projek-projek yang telah berjaya di tiga tempat ini pada awal tahun ini dan saya juga telah membuat lawatan ke projek-projek yang sedang dirancang. Saya sendiri menyelidiki dan mengetahui mereka menghadapi berbagai-bagai masalah, di antaranya sebagaimana saya sudah sebutkan tadi dan saya sendiri telah pun dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri mengarahkan penubuhan Jawatankuasa Khusus di Kementerian saya untuk menyelidiki secara mendalam apakah masalah-masalah yang dihadapi dan bagaimanakah cara-cara mengatasinya dan apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil. Jadi apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bergantunglah kepada penelitian yang dibuat itu dan saya jangka tidak berapa lama lagi akan dapat mengetahui masalahnya yang sebenar dan dapat mengesyorkan cara-cara mengatasinya.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat tadi beliau ada mengatakan di Kedah hanya satu telah pun dibuat di Estet Kuala Ketil dan satu lagi dalam perancangan akan buat dan beliau juga ada mengatakan perjalanannya tidak begitu lancar, dia mengakui. Adakah ini memadai di Kedah kerana saya dapat tahu beratus-ratus estet yang ada, adakah memadai dengan cuma dua sahaja, sudah wujud satu akan wujud satu lagi. Bagaimanakah cara Kementerian hendak mewujudkan yang banyak estet lagi tidak ada rumah-rumah itu.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang mengikut angka cadangan yang ada ini masih belum mencukupi dan Kementerian saya pun sentiasa menerima desakan daripada pekerja-pekerja estet supaya memperbanyakkan skim ini seboleh-bolehnya setiap estet diadakan. Tetapi saya suka juga memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa skim ini diadakan melalui penyertaan secara sukarela oleh pihak estet-estet. Pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat hanya sebagai

penyelaras menganjurkan supaya tuan-tuan punya estet secara sukarela mengambil bahagian dalam skim ini dengan cara mereka mengeluarkan sebahagian daripada tanah estet mereka untuk kegunaan tapak perumahan ini secara percuma kepada skim ini dan mereka juga ditugaskan sebagai pemaju perumahan mengeluarkan modalnya dahulu membina rumah-rumah ini. Dan kemudian apabila pekerja-pekerja itu memperolehi pinjaman daripada sumber yang lain, daripada tabung pusingan yang ada di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membeli rumah-rumah ini, maka pihak estet-estet bolehlah menjual rumah ini kepada pekerja-pekerja mereka.

Jadi, kalau Yang Berhormat sedar apa yang saya jelaskan ini, keadaan juga dirasai oleh setengah tuan punya estet sebagai satu beban, walaupun mereka sanggup mereka berhasrat hendak melaksanakan tetapi mereka terpaksa mengeluarkan tanah secara percuma, mereka pula terpaksa mendapat kelulusan tukar syarat pelan dan sebagainya, mereka juga terpaksa mengeluarkan peruntukannya dahulu sebagai pemaju perumahan itu dan mereka boleh mendapat bayarannya kemudian tanpa keuntungan sebagaimana pemaju-pemaju perumahan yang lain. Jadi dengan sebab itulah pada masa ini tidak semua estet sanggup menawarkan diri untuk menyertai dalam skim ini. Tetapi pihak Kementerian saya sentiasa menyedarkan tuan-tuan punya estet itu bahawa dengan adanya skim ini juga memberi faedah kembali kepada estet-estet itu sendiri kerana kita percaya dengan adanya rumah-rumah yang dibeli untuk dimiliki sendiri oleh pekerja-pekerja di satu-satu ladang itu boleh menjamin pekerja-pekerja itu kekal bekerja dengan taat setia di ladang-ladang berkenaan. Atas kesedaran inilah dan juga atas tanggungjawab tuan-tuan punya estet sebagai mengenang jasa pekerja-pekerja yang telah memberi sumbangan terhadap estet mereka itu, ada yang sanggup menyertai rancangan ini walaupun mereka menghadapi berbagai-bagai masalah.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambah. Ada pekerja-pekerja estet yang telah bekerja

berpuluh-puluh tahun sejak mereka muda hingga tua tetapi apabila tuan estet itu sendiri menjual kepada pembeli-pembeli dengan dipetak-petakkan maka pekerja-pekerjanya tidak ada tempat hendak mengadu. Apabila ditanya kepada Pejabat Buruh, dia kata ini adalah hak mereka. Dia tidak berhak pula memberi tanah estet itu kepada pekerja-pekerja. Maka apabila pekerja itu bertanya kepada tuan estet yang lama mereka menjawab dengan bina tidak bina sahaja. Apakah tindakan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam soal ini.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ada undang-undang yang melindungi pekerja-pekerja yang diberhentikan sebelum daripada tempoh mereka patut diberhentikan, dan ada pampasan-pampasan yang mesti dibayar oleh majikan mengikut undang-undang itu dan pekerja-pekerja yang berkenaan itu boleh membuat aduan mereka kepada Pejabat Buruh di negeri di mana tempat mereka bekerja.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soal ini berkenaan tapak rumah. Kalau burung ada sarangnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila jawab sekali lagi berkenaan dengan tapak rumah.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya pun faham apabila estet itu telah dijual tuan punya estet yang asal itu tidak berhak lagi memberi kawasan itu kepada pekerja-pekerja mereka dan patut juga Ahli Yang Berhormat faham hak mendapatkan rumah ini bukanlah merupakan suatu hak mesti. Ini hanya sebagai sumbangan sukarela daripada pihak majikan sahaja.

Tuan Tan Kok Hooi: Masalah yang timbul di estet-estet adalah kerana Kerajaan izinkan pecah bahagian (sub-division) dilakukan. Selepas pecah bahagian seorang tuan estet sudah menjadi 10 atau lebih tuan estet. Oleh kerana itu kebajikan pekerja-pekerja dalam estet itu tidak dihiraukan lagi maka timbullah

masalah perumahan, bekalan air, bekalan elektrik dalam estet. Saya ingin tahu apakah langkah yang Kerajaan sedia mengambil sebelum masalah ini menjadi lebih buruk.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan itu soalan lain daripada soalan yang berkenaan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengikut jawapan beliau tadi bahawa rancangan perumahan itu tidak lancar. Ini mungkin disebabkan peraturan yang ada itu diberi dengan secara sukarela. Jadi, berbanding dengan keuntungan yang didapati oleh penguasa-penguasa estet ini apakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan peraturan yang mewajibkan tiap-tiap estet itu menyediakan perumahan kepada mereka ini supaya keadaan ini dimestikan mereka itu melaksanakan kehendak-kehendak Kementerian tersebut.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, belum lagi.

Tuan Quah Wee Liam: Tuan Yang di-Pertua, kepada Timbalan Menteri saya ingin hendak bertanya sama ada Kerajaan akan memberi subsidi kepada pekerja-pekerja bersara untuk membantu mereka membeli rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu keluar daripada soalan asal.

NELAYAN—MASALAH DI MUSIM TENGGUJUH

2. **Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar tentang kesulitan yang dihadapi oleh kaum nelayan ketika musim tengkujuh yang panjang, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk melibatkan mereka dalam aktiviti-aktiviti yang mendatangkan wang supaya mereka tidak sahaja hanya menunggu musim tengkujuh tamat dan kadangkala untuk menyara hidup menggadaikan barang kemas isteri-isteri mereka dan kemudian gagal untuk menebusnya kembali akhirnya mendatangkan kerugian yang besar.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Speaker, nelayan-nelayan yang sentiasa mengalami kesusahan dalam musim tengkujuh adalah seperti berikut:

1. Pengusaha pukut udang tiga lapis;
2. Pengusaha pukut udang hanyut; dan
3. Pengusaha jerut ikan yang menangkap ikan dengan menggunakan bot-bot kecil yang dipasang dengan enjin dalam.

Dalam musim tersebut mereka digalakkan menangkap ikan dengan cara-cara lain seperti pukut tunda dalam perairan 5 batu. Projek-projek pertanian juga digalakkan seperti projek penempatan nelayan Kandis, Kelantan dan projek pertanian Pulau Redang, Terengganu.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan ada beberapa projek iaitu projek pertanian, projek penempatan, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk mewujudkan perkampungan-perkampungan nelayan di mana nelayan-nelayan ini boleh mengusahakan tanah-tanah perkampungan tersebut yang boleh memberi pendapatan tambahan kepada nelayan-nelayan dan juga menolong mereka yang terlibat dalam musim tengkujuh.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, Kementerian saya akan timbangkan rancangan itu.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa nelayan-nelayan tradisi iaitu nelayan-nelayan yang keluar ke laut dengan menggunakan bot-bot kecil tidak dapat keluar ke laut untuk menangkap ikan pada musim tengkujuh. Jadi salah satu langkah, saya rasa untuk membantu nelayan-nelayan menghadapi kesulitan dalam musim tengkujuh ini ialah dengan cara pengeluaran lesen pengkalan sementara, ertinya lesen pengkalan sementara ini—nelayan di Terengganu saya contohkan pada masa tengkujuh diberi lesen pengkalan

sementara supaya mereka boleh keluar ke laut menangkap ikan di Mersing, kerana suasana di Mersing pada musim tengkujuh keadaannya lebih baik, ombak ataupun gelora laut tidak begitu besar. Jadi, pemberian lesen pengkalan sementara kepada nelayan-nelayan ini banyak menimbulkan isu-isu yang kontravasi di kalangan nelayan-nelayan tempatan itu sendiri. Saya ingin tahu, adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk memansuhkan pemberian lesen pengkalan sementara ini ataupun akan seterusnya memberi lesen semacam ini kepada nelayan-nelayan tradisi tersebut di musim-musim tengkujuh.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, Kementerian saya belum bercadang untuk memansuhkan lesen-lesen sementara itu oleh kerana lesen-lesen sementara ini benar-benar diperlukan oleh nelayan-nelayan yang tersebut di dalam soal ini.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Kalau nasib petani-petani dapat bantuan subsidi kemarau, apakah pihak Kementerian Pertanian bercadang juga untuk membantu nelayan-nelayan dalam musim tengkujuh memberi subsidi yang sama seperti subsidi kemarau?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, seperti saya katakan sebentar tadi pertolongan atau bantuan telah pun diberi kepada nelayan-nelayan yang menghadapi kesusahan dalam musim tengkujuh, jadi boleh dikatakan Kerajaan telah pun memainkan peranan yang patut dimainkan.

MAJUTERNAK—SIASATAN BADAN PENEGGAH RASUAH

3. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah ke dalam rasuah dan amalan-amalan curang yang berlaku dalam Majuternak, terutama sekali yang melibatkan pengimportan lembu dari Australia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah telah dan

sedang menyiasat beberapa kes rasuah yang dilaporkan berlaku di Majuternak dan sebahagian daripada siasatan itu telahpun selesai. Sehingga bulan Ogos, 1982 Badan Pencegah Rasuah telah menangkap 3 orang yang terlibat dalam kesalahan itu dan mereka telah didakwa di mahkamah dan sedang menunggu perbicaraan selanjutnya. 2 orang lagi telah ditangkap baru-baru ini dan akan didakwa di Mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila bulan September tahun lalu, Yang Berhormat Menteri Pertanian ada membuat satu pengumuman untuk meminta bantuan; masa itu Biro Siasatan Negara dan sekarang Badan Pencegah Rasuah untuk membantu supaya membersihkan Majuternak daripada semua kepincangan-kepincangan yang berlaku, antaranya kepincangan-kepincangannya di mana 6 cheques bounced yang bernilai \$2 juta dan juga 6 buah lori tersadai. Adakah dua kes yang saya sebutkan ini siasatan sudah habis atau sedang dijalankan?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, semua laporan, semua aduan berhubung dengan kesalahan rasuah yang berhubung dengan Majuternak sedang disiasat sama ada kes Yang Berhormat nyatakan itu sedang disiasat atau tidak, itu saya memerlukan notis, kerana begitu banyak kes-kes yang berhubung dengan Majuternak yang sedang disiasat sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa ada lagi banyak kes masih dalam siasatan, bolehkah beliau mengatakan berapa kes sedang dalam siasatan?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak dapat memberi bilangannya, kerana tiap-tiap aduan itu disiasat dan sama ada adakah bukti atas aduan atau tidak, itu terserahlah kepada siasatan tetapi sekiranya ada asas-asas yang boleh siasatan lanjut dijalankan maka dijalankan siasatan yang lebih lanjut. Sekiranya sesuatu

kes itu pula didapati setelah disiasat didapati bahawa tidak perlu lagi siasatan maka perkara-perkara semacam itu ditangguhkan dahulu. Jadi tidak dapatlah saya hendak menyatakan bilangan khusus kes-kes yang sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah berhubung dengan Majuternak.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana satu Badan Majuternak menimbulkan begitu banyak kes rasuah atau disyaki ada rasuah yang menunjukkan bahawa satu masalah yang sangat besar sudah timbul, bolehkah pihak Kerajaan menimbang selepas siasatan semua kes-kes yang bersangkutan paut dengan Majuternak dihabiskan bahawa pihak Kerajaan mengeluarkan satu kertas khas mengenai kepincangan-kepincangan yang berlaku dalam Majuternak menjadi satu pengajaran supaya kes-kes semacam Majuternak tidak berlaku. Yang kita harapkan juga kes-kes macam Bank Rakyat sudah berlaku, bahawa satu kertas putih Majuternak dikeluarkan selepas semua siasatan dihabiskan.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memandang berat di atas semua kes-kes rasuah, begitu juga berhubung dengan kes rasuah Majuternak, Kerajaan mengambil perhatian yang berat. Oleh kerana perkara ini masih lagi di dalam siasatan maka saya fikir tidaklah kena waktu dan masanya untuk saya menjawab soalan Yang Berhormat itu ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Edwin Tangkun.

(Soalan No. 4 Y.B. Datuk Edwin anak Tangkun tidak hadir).

MAS KERUGIAN—SEBAB-SEBAB

5. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) mengalami kerugian dan adakah persaingan yang hebat dari syarikat-syarikat lain dan kos operasi yang tinggi telah menyebabkan kerugian ini.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, seperti syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang lain, MAS juga menghadapi tekanan kemerosotan ekonomi dalam industri penerbangan awam. Suasana kemelesetan ekonomi yang dialami di serata dunia pada masa ini mengakibatkan kekurangan permintaan pasaran dalam perjalanan udara dan ini menyebabkan hasil pendapatan syarikat-syarikat penerbangan merosot. Secara langsung ini menimbulkan kedudukan lebih muatan (over capacity) yang diadakan oleh syarikat-syarikat penerbangan dan dalam keadaan ini untuk merebut trafik-trafik di pasaran, pemotongan tambang yang tidak mengikut peraturan menjadi semakin berluasan dipraktikkan oleh syarikat-syarikat penerbangan. Persaingan yang tidak sihat akibat dari mengadakan kadar-kadar tambang yang tidak membayangkan kos operasi sebenar ini mengurangkan pendapatan syarikat-syarikat penerbangan

Selain dari faktor yang telah saya sebutkan itu, MAS juga menghadapi masalah kos operasi yang tinggi akibat dari keadaan inflasi di dunia sekarang ini. Kerugian yang dialami oleh MAS bagi tahun kewangan 1981/1982 merupakan kerugian yang pertama dialami oleh MAS semenjak memulakan operasinya dalam tahun 1972. Di antara faktor-faktor utama yang menyebabkan kerugian ini adalah:

- (a) Kadar bayaran faedah (interest rates) bagi pinjaman asing untuk pembelian pesawat-pesawat baru seperti Airbus ke 4 dan B747, telah meningkat kepada 17% bagi tahun 1981/82 berbanding dengan 8% bagi tahun-tahun sebelumnya;
- (b) perbelanjaan-perbelanjaan permulaan (pre-operational expenses) bagi operasi pesawat B747 yang melibatkan kos latihan juruterbang-juruterbang dan jurutera-jurutera telah dimasukkan dalam kiraan akaun 1981/82;
- (c) sungguhpun harga minyak telah stabil semenjak setahun yang lalu, perbelanjaan kos minyak telah

bertambah kerana kekuatan matawang Amerika Syarikat dalam pertukaran asing; dan

(d) pelaksanaan tanggagaji baru bagi pekerja-pekerja MAS mulai tahun 1981/82.

Bagi tahun 1981/82 'unit cost' operasi MAS telah meningkat sebanyak 16.8% iaitu daripada \$1.07 kepada \$1.25 'per capacity tonne kilometres' berbanding dengan 'unit cost' tahun kewangan sebelumnya. Manakala hasil pendapatan yang diperolehinya bagi tempoh yang sama hanya telah meningkat sebanyak 5.6%. Sungguhpun MAS mencapai faktor muatan keseluruhan (overall load factor) yang lebih tinggi dalam tahun 1981/82 iaitu sebanyak 71% berbanding dengan 67% bagi tahun 1980/81, 'breakeven load factor' yang diperlukan oleh MAS untuk mengatasi kerugian ialah sekurang-kurangnya 73.5% purata untuk tahun 1981/82.

Kesemua faktor-faktor yang disebutkan di atas tadi adalah akibat daripada tekanan-tekanan ekonomi yang berada di luar kawalan MAS.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri dalam jawapannya tadi menjelaskan bahawa salah satu sebab MAS mendapat kerugian ialah kerana tekanan resessi di seluruh dunia. Saya ingin mendapat tahu sama ada pihak MAS telah mengkaji kemungkinan datangnya resessi dunia ini sehingga ia terpaksa juga membeli kapalterbang-kapalterbang baru sedangkan perusahaan penerbangan di negara-negara lain yang lebih maju sudah dapat menduga tentang kemelesetan ekonomi dunia ini dan telah membatalkan opsyen-opsyen untuk membeli kapalterbang-kapalterbang baru tetapi sebaliknya kita teruskan juga dengan opsyen-opsyen untuk membeli kapalterbang baru dan akibatnya kita menanggung kerugian.

Kedua, sama ada salah satu daripada sebab kurangnya revenue kepada MAS ialah kerana sistem tempahan tiket tidak begitu tersusun rapi terutama dalam penerbangan dalam negeri menyebabkan orang-orang yang hendak membuat tempahan diberitahu

tempat sudah habis, sedangkan yang sebenarnya tempat masih banyak yang kosong dalam kapalterbang.

Dato' Lee San Choon: Minta ulangan soalan yang pertama, tidak dapat dengar tadi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan pertama ialah sama ada pegawai-pegawai MAS telah tidak dapat membuat projection dengan betul tentang ekonomi dunia sehingga MAS terpaksa juga membeli kapalterbang-kapalterbang baru sedangkan, perusahaan penerbangan di negara-negara lain sudah dapat menduga economic recession yang dihadapi di seluruh dunia dan mereka membatalkan opsyen-opsyen untuk membeli kapalterbang-kapalterbang baru tetapi kita teruskan juga dengan pembeliannya.

Dato' Lee San Choon: MAS terus juga membeli pesawat-pesawat baru oleh kerana kehendak atas perkembangan syarikat itu. Dari segi projeksinya sama ada projeksi MAS tidak betul, saya telah jawab iaitu faktor yang utama kadar faedah (interest rate) yang bukan dalam kawalan MAS atau negeri kita ini. Itu bergantung kepada pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Soal yang kedua itu ialah bersangkutan dengan penjualan tiket.

Dato' Lee San Choon: Itu tidak benar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi antara lain ialah oleh kerana kekurangan hasil akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia yang menyebabkan MAS mengalami kerugian. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar ataupun tidak bahawa ada setengah-setengah kemudahan yang diberi oleh pihak Kementerian beliau tidak dikenakan bayaran. Misalnya bilik-bilik VIP di lapangan terbang-lapangan terbang. Jadi, saya ingin bertanya sama ada beliau hendak mengenakan bayaran kepada siapa-siapa yang menggunakan bilik ini sebagai satu-satunya sumber hasil kepada pihak Kementerian.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, bilik-bilik VIP ini adalah soalan lain. Walau bagaimanapun, saya ambil perhatian apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab MAS menanggung kerugian yang begitu banyak, adakah benar ada cadangan atau ura-ura daripada Kementerian yang berkenaan untuk hendak memberhentikan sebahagian daripada pekerja-pekerja MAS. Soalan yang kedua, adakah kerugian ini disebabkan perkhidmatan dalam negeri atau perkhidmatan di luar negeri?

Dato' Lee San Choon: Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, MAS akan membekalkan mana-mana pekerja dan Pengurus MAS pun telah membuat kenyataan seperti itu dan.....

Tuan Yang di-Pertua: Kerugian di dalam negerikah ataupun di luar negeri?

Dato' Lee San Choon: Kedua-dua, di dalam negeri dan di luar negeri.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, sama ada benar MAS mengalami kerugian kerana pembaziran dan pentadbiran yang kurang cekap?

Dato' Lee San Choon: Tidak benar. Saya telah nyatakan di sini MAS adalah 'mesti ada sistem' (*Ketawa*).

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tadi nampaknya benar MAS sedang menghadapi kerugian yang teruk. Adakah kerugian itu menyebabkan tangga-tangga tak cukup seumpama di Alor Setar, di Subang dan lain-lain lagi iaitu tangga hendak turun tak cukup, cuma tinggal satu tangga sahaja.

Soalan kedua, oleh kerana di Lapangan Terbang Subang ada Golden Lounge dan Golden Lounge ini ada epithet, bukan semua orang boleh pergi, hanya orang kelas satu sahaja. Itu adalah salah satu sebabnya yang membuatkan orang marah kepada MAS. Adakah Menteri sedar perkara itu berlaku?

Dato' Lee San Choon: Tidak benar kerugian itu oleh sebab tak cukup tangga kapal terbang atau Golden Lounge. Sebenarnya, bilangan penumpang MAS bertambah pada tahun-tahun tersebut tetapi hasilnya kurang dibandingkan dengan perbelanjaan. Oleh itu terdapatlah kerugian yang besar dan sebab-sebab kerugian itu saya telah jawab tadi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri dengan pembelian pesawat-pesawat baru itu adakah benar perkara ini merupakan kerugian jangka pendek pada pihak MAS. Adakah dalam jangka panjang pembelian itu akan mendatangkan keuntungan. Apakah perkhidmatan MAS sekarang ini mengalami kerugian itu terletak kepada operasi atau perkhidmatannya, bukan terletak kepada yang lain-lain.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, kita berharaplah kerugian itu cuma buat sementara sahaja. Walaupun demikian pihak MAS mungkin dalam Budget tahun akan datang MAS tidak menjangka akan mendapat keuntungan pada tahun akan datang, tetapi kita berharap dengan keadaan ekonomi yang lebih baik dan dengan sikap yang sentiasa diambil oleh kakitangan MAS itu cekap dan kemas, MAS akan dapat kembalikan keuntungannya.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, MAS mengalami kerugian bagi tahun 1981-1982, akan tetapi SIA mendapat keuntungan sebanyak \$100 juta pada tempoh yang sama. Adakah MAS sedia mengkaji dan mencontohi apa yang SIA buat?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar SIA mendapat keuntungan \$100 juta. Kalaulah ada sedikit sebanyak keuntungan oleh SIA itu bukanlah dari operational profit, bukan keuntungan daripada operasinya, tetapi keuntungan itu mungkin daripada jualan kapal terbang yang lama yang tak lagi dinilai dalam account book ataupun profit daripada ground handling.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa sebab-sebab MAS mengalami kerugian ialah kerana perbelanjaan melebihi pendapatan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah langkah-langkah jimat-cermat yang spesifik yang akan diambil oleh MAS itu untuk mengurangkan perbelanjaan seberapa yang boleh supaya dapat mengurangkan kerugian itu?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, MAS memang telah mengambil langkah untuk menjimatkan perbelanjaan seperti membekukan pengambilan pekerja-pekerja baru dan menyusun semula jadual penerbangan yang ada untuk memaksimumkan utilization kapal dan menggunakan komputer untuk mengawal dan menjimatkan kegunaan bahan-bahan bakar dan mengadakan simulator di dalam negeri supaya juruterbang dan jurutera dapat dilatih dalam negeri ini untuk menjimatkan perbelanjaan dan lain-lain langkah juga telah diambil.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Syarikat MAS ada menghadapi kerugian yang besar, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada pihak Kementeriaannya ataupun pihak Kerajaan masih menimbangkan syor atau cadangan yang dikemukakan pada masa yang lalu untuk menubuhkan satu syarikat penerbangan yang lain, yang kedua?

Dato' Lee San Choon: Itu soalan lain.

KELAB UMNO DI LONDON

6. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penubuhan kelab-kelab UMNO di kalangan penuntut-penuntut di luar negeri seperti di London atau lain-lain negeri itu telah menjejaskan tumpuan pelajar-pelajar itu terhadap kursus-kursus pelajaran mereka sebagaimana pernah berlaku tuduhan baru-baru ini kononnya pelajar-pelajar kita di luar negeri yang terlibat dengan gerakan dakwah telah hilang minat dengan pelajarannya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri yang menyertai kelab hanya berbuat demikian sebagai aktiviti sosial, rekreasi, dan kebajikan yang merupakan sebagai aktiviti luar sahaja. Oleh itu tidaklah benar pelajar-pelajar kita menjadi ahli kelab UMNO dan mana-mana kelab yang pelajaran mereka terjejas, jika sekiranya pelajar itu memberi tumpuan utama kepada pelajaran masing-masing, dan berkaitan dengan ini adalah tidak tepat anggapan yang mengatakan bahawa dakwah telah menyebabkan kehilangan minat terhadap pelajaran di kalangan pelajar-pelajar.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi kebenaran sekiranya parti-parti politik yang lain juga dapat menubuhkan kelab-kelabnya di luar negeri yang terdiri ahli-ahlinya daripada pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tak berbangkit.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah ahli-ahli Kelab UMNO itu dibenar untuk mengetahui dasar UMNO yang juga merupakan dasar Kerajaan dan ini akan menimbulkan kasih sayang pelajar itu terhadap negeri ini. Adakah anasir lain, misalnya, daripada parti-parti lain cuba hendak memberikan fahaman yang lain kepada pelajar-pelajar yang ada di sana?

Tuan Yang di-Pertua: Itupun soal yang tak berbangkit juga.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sejak wujudnya Kelab UMNO di luar negeri itu membuat pelajar-pelajar mengadu bahawa segala aktiviti Kerajaan disalurkan melalui kelab-kelab itu untuk pelajar-pelajar di luar negeri.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kelab-kelab itu merupakan sebuah kelab kebajikan, Kementerian saya tidak pernah mendapat aduan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan ini berapa banyak kelab UMNO telah mendapat peruntukan kewangan dari sumber pihak Kerajaan untuk menjalankan kegiatan kebajikannya?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kelab UMNO tidak mendapat sebarang peruntukan daripada Kementerian Pelajaran.

PEMBAYARAN MUHIBBAH KERAJAAN JEPUN KEPADA MALAYSIA

7. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada hutang Kerajaan Jepun kepada Kerajaan Malaysia sebanyak \$300 juta ringgit sudahpun dijelaskan sepenuhnya dan sekiranya belum apakah tindakan Kerajaan mengenai perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan Jepun tidak mempunyai sebarang hutang kewangan kepada Kerajaan Malaysia. Mungkin apa Ahli Yang Berhormat maksudkan ialah wang sejumlah \$25 juta yang telah menjadi subjek perbincangan beberapa tahun yang lalu di antara Malaysia dengan Jepun iaitu apa yang diketahui umum pada masa itu sebagai pembayaran muhibbah (goodwill payment) dengan izin. Saya ingin menyatakan bahawa sebenarnya wang itu bukanlah pembayaran hutang, tetapi telah diberikan oleh Kerajaan Jepun kepada kita di bawah satu perjanjian yang ditandatangani pada 26-9-1967 untuk membuktikan perasaan muhibbahnya terhadap kita dan untuk mengeratkan lagi kerjasama di antara Jepun dengan Malaysia. Jumlah wang itu ialah bertujuan untuk membantu kita di dalam melancarkan

Syarikat Perkapalan Nasional kita sendiri dan dengan wang tersebut kita telahpun membeli dua buah kapal untuk Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan menerangkan bolehkah krisis politik yang sedang berada di negeri Jepun sekarang akan mengakibatkan perubahan segala peraturan-peraturan bantuan dan segala pinjaman wang yang ada di antara negara kita dengan negeri Jepun.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu tidak bersangkut. Yang Berhormat Datuk Leonard Linggi anak Jugah.

(Soalan No. 8 Y.B. Datuk Leonard Linggi anak Jugah tidak hadir).

BAHASA INGGERIS/CINA/TAMIL DI RADIO—PENGGUNAAN

9. **Wan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah beliau sedar dengan langkah yang diambilnya mengenai penggunaan sepenuhnya bahasa Inggeris di rangkaian Biru, Bahasa Cina di rangkaian Merah dan Bahasa Tamil di rangkaian Hijau adalah bertentangan cita-cita Kerajaan menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai simbol dan alat komunikasi bagi mewujudkan perpaduan dalam negara ini.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, penggunaan sepenuhnya bahasa Inggeris di rangkaian biru, penggunaan sepenuhnya bahasa Cina di rangkaian hijau dan penggunaan sepenuhnya bahasa Tamil di rangkaian merah adalah tidak benar, bahkan adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mendaulkan Bahasa Kebangsaan sebagai simbol dan alat perpaduan negara dan menyelitkan dalam rangkaian-rangkaian ini dengan lebih teratur lagi.

KERAJAAN CAMPURAN KAMPUCHEA

10. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Luar Negeri menyatakan oleh kerana ketiga-tiga kumpulan Nasional Khmer telah memeterikan Pengisytiharan Penubuhan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea di Kuala Lumpur baru-baru ini dengan daya utama Kerajaan-kerajaan ASEAN khususnya Malaysia adakah Malaysia akan menimbangkan rayuan Kerajaan Campuran Kampuchea berkenaan dengan bantuan-bantuan segi ketenteraan dan peri kemanusiaan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Penubuhan Kerajaan Campuran Kampuchea yang diketuai oleh Putra Norodom Sihanouk dan yang ditandatangani oleh Putra Sihanouk, Son Sann dan Khieu Samphan di Kuala Lumpur pada 22hb Jun, 1982 adalah satu detik bersejarah yang disambut hangat oleh sebahagian besar masyarakat antarabangsa. Ianya dianggap sebagai suatu tindakan positif dan berani untuk memperjuangkan kebebasan negara Kampuchea dari penaklukan asing serta memulihkan maruah bangsa Khmer.

Wujudnya Kerajaan campuran ini adalah atas kesedaran oleh ketiga-tiga puak pejuang Kampuchea iaitu puak-puak yang diketuai oleh Putra Norodom Sihanouk, Son Sann dan Khieu Samphan, bahawa mereka perlu bersatu dan sepakat jika perjuangan suci mereka itu hendak dimajukan kepada matlamat akhir.

Pihak negara-negara ASEAN termasuk Malaysia telah memberi berbagai-bagai dorongan dan kemudahan berhubung dengan penubuhan Kerajaan campuran itu. Sejajar dengan hasrat Kerajaan campuran ini untuk mencari penyelesaian politik di Kampuchea berlandaskan Perisytiharan Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea yang diadakan pada bulan Julai 1981, maka Kerajaan Malaysia telah pun menyumbangkan sedikit sebanyak bantuan keperimanasian kepada Kerajaan tersebut. Kita belum memberi sebarang bantuan ketenteraan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah dengan wujudnya Kerajaan campuran ini tidak akan menimbulkan kemarahan kepada Kerajaan yang berkuasa di negara tersebut, lebih-lebih lagi mungkin Kerajaan berkuasa itu tidak menerima Kerajaan campuran yang diwujudkan ini dan apakah tindak balas yang mungkin akan berlaku daripada Kerajaan Vietnam dengan penganjuran Kerajaan campuran yang dilakukan ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan campuran yang baru ditubuhkan itu adalah ditubuhkan dengan hasrat dan kemahuan rakyat Kampuchea sendiri yang terlibat, bukan dengan desakan oleh mana-mana kuasa atau negara yang lain.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebutkan tiga puak yang terlibat dalam masalah penubuhan Kerajaan Campuran di Kampuchea ini, iaitu puak Putra Norodom Sihanouk, Samphan dan juga Son Sann. Tidak disebut Pol Pot. Sebagaimana kita maklum bahawa pada satu ketika dahulu Kampuchea ini pernah ditakluki ataupun diperintah oleh Rejim Pol Pot. Jadi, adakah beliau sedar ataupun kemungkinan berlakunya tentera-tentera Pol Pot yang mungkin masih ramai ataupun masih kuat akan merupakan satu ancaman kepada Kerajaan campuran ini dan akan membantut perjalanan Kerajaan ini dan juga akan membantu penyelesaian secara politik di Kampuchea.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu tidak berbangkit.

DOKTOR/JURURAWAT—KEKURANGAN

11. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan pada 30hb September, 1982 jumlah kekurangan bilangan doktor pakar, pegawai perubatan, dan jururawat terlatih di negara ini; apakah angka matlamatnya bagi jumlah bilangan doktor pakar, pegawai perubatan dan jururawat

terlatih yang akan diadakan pada tahun 1985; jika terdapatnya kekurangan, nyatakan langkah-langkah positif yang telah diambil untuk membetulkan keadaan tersebut.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sama ada sesebuah negara mengalami kekurangan doktor ataupun tidak, tertakluk kepada matlamat negara tersebut tentang nisbah doktor dengan penduduk. Perancangan Kementerian Kesihatan tentang perkembangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Malaysia ialah dengan matlamat seorang doktor, termasuk pakar, untuk 2,200 orang penduduk menjelang tahun 1990. Jumlah ini termasuk doktor-doktor dalam Kerajaan dan swasta.

Pada masa ini terdapat 3,921 orang doktor dalam Kerajaan dan swasta. Untuk mencapai matlamat ini pada tahun 1990 dan jikalau penduduk dianggarkan seramai 17 juta orang pada ketika itu, kita menghendaki lebihkurang 7,800 orang doktor.

Dengan itu Kementerian Kesihatan telah meminta universiti-universiti tempatan yang mempunyai fakulti perubatan supaya menambah bilangan penuntut-penuntut dalam bidang ini. Sukacita saya memaklumkan bahawa dengan adanya kerjasama ini, Universiti Malaya mengambil 160 orang penuntut setiap tahun, Universiti Kebangsaan 178 dan Universiti Sains Malaysia 95. Ini bermakna bahawa dalam masa akan datang, kita akan mendapat lebih dari 400 orang doktor dari fakulti-fakulti perubatan tempatan sahaja tiap-tiap tahun. Dengan itu adalah diharapkan bahawa matlamat itu boleh tercapai dengan mengambil kira juga doktor-doktor yang akan pulang selepas mendapatkan ijazah dari luar negeri.

Kekurangan pakar dalam perkhidmatan Kerajaan adalah lebih ketara dalam bidang-bidang yang kurang popular seperti bius, kajipenyakit, pathologi, sakit jiwa dan radiologi. Di Kementerian Kesihatan terdapat 321 jawatan pakar Tingkatan-tertinggi. Pada 30hb September, 1982, sebanyak 140 jawatan tersebut telah diisi. Walau bagaimanapun, di

samping itu terdapat 137 pakar Tingkatan-biasa (Pakar Klinikal) di Kementerian, untuk memberi perkhidmatan kepakaran di seluruh negara. Ini bermakna setakat ini terdapat sebanyak 277 orang pakar yang sedang bertugas.

Tentang jururawat terlatih, Kementerian Kesihatan tidak mengalami kekurangan sekarang oleh kerana Sekolah Latihan Jururawat di bawah Kementerian Kesihatan giat melatih jururawat-jururawat dalam beberapa tahun yang lepas. Terdapat sejumlah 7,726 jururawat terlatih sekarang. Sekolah-sekolah latihan akan meneruskan latihan untuk mencapai matlamat mengadakan lebihkurang 10,000 orang jururawat terlatih menjelang tahun 1985.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa terdapat keadaan tidak seimbang yang amat ketara di kalangan kependudukan doktor-doktor di bandar dan di kawasan luar bandar. Yang pertama, oleh kerana pihak Kerajaan sendiri tidak dapat menghantar doktor-doktor yang cukup seperti ratio yang dikehendaki, iaitu satu doktor untuk 2,200 orang penduduk, matlamat ini tidak pernah dicapai dan di samping itu tidak ada doktor-doktor prebet membuka klinik di kawasan luar bandar dan menambahkan lagi masalah kekurangan doktor di luar bandar sedangkan di kalangan penduduk-penduduk bandar mungkin ratio 1 untuk 2,200 orang ini sudah dapat dicapai dan ditambah pula dengan konsentrasi para doktor prebet membuka klinik di kawasan bandar menimbulkan keadaan jurang tidak seimbang yang sangat ketara antara luar bandar dan kawasan bandar.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan bersetuju bahawa setakat ini tidak ada seimbangan di antara doktor-doktor yang bertugas di luar negeri dan di dalam bandar-bandar, khasnya di sektor swasta di mana kebanyakan doktor-doktor yang membuka kliniknya menumpukan perhatian mereka di dalam bandar, tetapi apa yang Kerajaan boleh buat iaitu supaya tiap-tiap doktor yang bertugas di

Kementerian dikehendaki berkhidmat di luar bandar sekurang-kurangnya dua tahun dan di sinilah dapat Kementerian menghantar doktor-doktor untuk berkhidmat keluar bandar. Tetapi seperti yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum melainkan menggalakkan doktor-doktor swasta untuk membuka klinik mereka di luar bandar, Kementerian Kesihatan tidak ada kuasa dari segi undang-undang untuk berbuat demikian.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengatasi kekurangan pakar-pakar dan doktor-doktor sama ada Kerajaan bercadang membaiki keadaan kerja dan gaji mereka serta bersikap adil dalam soal kenaikan pangkat?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sama ada sikap adil atau tidak adil ialah satu komen yang sangat, dengan izin, subjective. Saya sudah menerangkan sebentar tadi bahawa adalah lebih dari 321 jawatan tertinggi dan masalah yang Kementerian menghadapi sekarang ini ialah tidak mencukupi orang untuk menyandang jawatan tersebut, inilah satu perkara yang anih, peluang ada tetapi untuk kenaikan pangkat itu kebanyakan doktor-doktor tidak mencukupi kelayakan untuk ditimbang bagi kenaikan pangkat.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Dengan kekurangan yang nyata bagi bilangan doktor di negara ini adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan berniat untuk mengambil doktor-doktor yang jadi isteri-isteri kepada warganegara di negara ini untuk mengisi kekosongan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Isteri-isteri doktor juga?

Dr Tan Seng Giaw: Yang bukan warganegara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang doktor juga?

Dr Tan Seng Giaw: Ya, yang doktor juga.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah menjadi satu isu yang diheboh-hebohkan tetapi apabila disiasat dengan telitinya kebanyakan isteri-isteri yang

dikatakan mereka mempunyai ijazah kedokteran tidak diiktiraf di dalam negara ini dan kebanyakan juga yang balik dari luar negeri dengan adanya ijazah ini tidak menjalani, dengan izin, "housemanship". Ini mustahak supaya mereka dapat didaftarkan di sini. Ada juga mereka yang tidak dapat diiktirafkan oleh kerana universiti-universiti yang mereka mendapat ijazah itu bukan di dalam Schedule kepada Akta Perubatan, tetapi masalah ini sekarang ini dikaji dengan lebih teliti lagi supaya jikalau dapat diberikan peluang kepada mereka untuk dapat kelayakan di sini, Kementerian Kesihatan bersedia membantu mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidak lama dahulu MMA atau Persatuan Perubatan Malaysia di bawah Dr Rajkumar ada buat satu kajian dan satu laporan dan membuat beberapa perakuan-perakuan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor dan pakar dalam perkhidmatan Kerajaan dan juga untuk mengurangkan penghijrahan doktor-doktor keluar negeri. Adakah pihak Kementerian dan Yang Berhormat Menteri sendiri ada bermesyuarat dengan MMA untuk bincang menerima perakuan-perakuan, dan kalau ada, adakah perakuan-perakuan itu diterima dan dilaksanakan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa mengadakan perhubungan yang erat dengan pihak Malaysian Medical Association atau Persatuan Perubatan Malaysia. Tentang laporan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, barangkali beliau sengaja melupakan bahawa usul untuk membawa laporan itu di dalam Dewan yang mulia ini ditolak dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan yang penghabisan.

Tuan Yeoh Poh San: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu skim kenaikan pangkat secara automatik dan mengikut meritocracy supaya menggalakkan pakar-pakar perubatan (specialists) menetap dalam

jabatan Kerajaan? Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu skim giliran perkhidmatan secara adil bagi semua doktor supaya menentukan setiap doktor akan memainkan peranannya dalam perkhidmatan kesihatan luar bandar?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu dibahagikan kepada dua bahagian, satu tentang kenaikan pangkat secara otomatis untuk pakar-pakar. Di sini saya suka menerangkan bahawa di dalam tingkatan biasa pun ada dua bahagian: satu Timescale dan satu Senior Timescale, tetapi untuk kenaikan pangkat tertinggi ini tertaklukkan kepada jawatan tersebut dan sama ada pakar-pakar itu ada kelayakan yang cukup untuk menyandang jawatan tersebut. Saya tidak dapatlah memberi jaminan bahawa mereka bolehlah naik dari G ke F atau D ke C secara otomatis.

Tentang pertukaran doktor-doktor, sebentar tadi saya sudahpun menjawab satu soalan yang lain bahawa semua doktor yang baru dikehendaki untuk berkhidmat di luar negeri sekurang-kurangnya satu ataupun dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soalan sudah habis.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 8 dan 12 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).

BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN

4. Datuk Edwin Anak Tangkun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya semua kaum Bumiputera di Sarawak akan diberi peluang mengambil bahagian dalam bidang perniagaan dengan tujuan mengelakkan keadaan yang tidak seimbang di antara Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Datuk Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Adalah menjadi dasar Kementerian saya untuk menentukan semua kaum Bumiputera di seluruh negara diberikan peluang

mengambil bahagian di dalam bidang perniagaan. Di dalam konteks pencapaian Dasar Ekonomi Baru Kementerian saya sentiasa mengambil langkah-langkah perlu untuk menentukan faedah-faedah daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dirasai oleh semua kaum Bumiputera dengan tidak membezakan asal keturunan kaum termasuk juga bagi negeri Sarawak.

Dalam usaha untuk melaksanakan rancangan penyusunan semula masyarakat di sektor perkilangan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi seperti dimatlamatkan di bawah Dasar Ekonomi Baru, Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk mengkhaskan sebahagian dari pegangan ekuiti dalam projek-projek yang diluluskan di negara kepada kaum Bumiputera.

Di antara tahun 1968 hingga Jun 1982, sebanyak 272 projek telah diluluskan di Sarawak dimana 59.1% daripada cadangan modal dibayar telah dikhaskan kepada kaum Bumiputera. Bagi tahun 1981, 17 projek telah diluluskan dan 46.1% daripada cadangan modal dibayar telah dikhaskan kepada kaum Bumiputera manakala bagi bulan Januari hingga Jun, 1982, 8 projek telah diluluskan di mana 59.7% daripada cadangan modal dibayar telah dikhaskan kepada kaum Bumiputera.

Adalah menjadi amalan Kementerian saya untuk menimbangkan kaum Bumiputera sebagai satu golongan dan oleh yang demikian adalah jelas terdapat peluang yang sama bagi semua kaum Bumiputera yang berminat untuk menyertai dalam pegangan ekuiti projek-projek yang diluluskan.

Mulai bulan Jun 1978, pejabat cawangan Bahagian Penyertaan Bumiputera Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dibuka di Sarawak untuk menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan peningkatan penyertaan semua kaum Bumiputera di negeri Sarawak. Melalui pejabat cawangan ini semua peluang-peluang perniagaan yang telah dikenal pasti melalui perundingan-perundingan dan perbincangan-perbincangan dengan syarikat-syarikat pengeluar dan syarikat-syarikat utama

disalurkan kepada semua Bumiputera bumiputera yang berkelayakan. Penyebaran peluang-peluang ini dilakukan sama ada secara terus kepada syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan Kementerian saya ataupun melalui Dewan-dewan Perniagaan dan Persatuan-persatuan Penjaja Bumiputra, Pejabat MARA Negeri dan Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak.

Untuk menentukan keupayaan Bumiputera dipertingkatkan lagi setanding dengan kaum Bukan Bumiputera Kementerian saya juga memberi khidmat nasihat kepada mereka serta mengadakan program-program latihan dan pembangunan yang diharapkan akan dapat memperbaiki lagi prestasi kaum Bumiputera di bidang perniagaan. Program-program ini dilaksanakan juga dengan kerjasama badan-badan tertentu seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, MARA, Bank Pembangunan dan lain-lain agensi yang berkaitan.

MALARIA—MEMBASMI PENYAKIT

8. Datuk Leonard Linggi Jugah minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar bahawa demam Malaria adalah semakin bertambah di kawasan-kawasan pendalaman di Sarawak, jika benar apakah langkah-langkah yang diambil atau akan diambil untuk membasmi penyakit tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Dalam tahun 1981 sejumlah 419 kes malaria telah dilaporkan. Dalam 8 bulan pertama tahun ini sejumlah 459 kes malaria dilaporkan bermakna bahawa terdapat pertambahan dalam bilangan kes malaria di Negeri Sarawak. Kebanyakan kes ini dilaporkan dalam Bahagian I, II dan V di kawasan pendalaman. Adalah didapati sebilangan besar kes-kes yang dilaporkan itu berlaku di kalangan pembalok dan pekerja-pekerja sementara dari negara-negara jiran.

Kementerian Kesihatan meneruskan kegiatan untuk mengawal penyakit ini. Di antara lain-lain langkah ialah semburan ubat serangga D.D.T. tiap-tiap 6 bulan sekali. Contoh-contoh darah jua diambil dari orang-orang yang demam: pengubatan diberi kepada

semua mereka yang terlibat dan kepada semua kes-kes malaria yang disahkan dengan diawasi perkembangannya selama 6-12 bulan.

Disamping itu aktiviti pelajaran kesihatan diteruskan supaya penduduk-penduduk awas tentang penyakit malaria ini dan supaya mereka boleh bekerjasama dengan pekerja-pekerja kesihatan untuk mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar, penyakit malaria masih ujud di negara-negara jiran kita. Oleh hal yang demikian, kita harus sentiasa berwaspada terhadap penyakit ini bukan sahaja di Sabah dan Sarawak, malahan jua di seluruh Malaysia.

STESYEN PEMANCAR TV BUKIT PALONG

12. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah penggunaan stesyen pemancar televisyen Bukit Palong boleh digunakan dan adakah pihak Kementerian mengikuti perkembangan pembinaan projek televisyen Bukit Palong yang telah tergendala hampir 10 tahun.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Iroke): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tarikh bilakah penggunaan Stesyen Pemancar Televisyen Bukit Palong dapat digunakan adakah sukar untuk diperkatakan. Ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara yang bukan sahaja melibatkan Kementerian saya tetapi juga Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan Awam. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Telekom hanya memerlukan jangka masa lebih kurang dua (2) tahun untuk menyelesaikan projek berkenaan iaitu setelah jalan masuk ke tempat berkenaan siap dilaksanakan.

Kementerian saya dan saya sendiri sentiasa mengikuti perkembangan pembinaan projek ini, tetapi apa yang menjadi masalah tergendalanya projek ini ialah jalan masuk ke tempat berkenaan masih belum disiapkan lagi. Saya difahamkan bahawa pembinaan jalan masuk ke tempat berkenaan adalah dibawah kawalan pihak Jabatan Kerja Raya

dan ianya sepatutnya disiapkan pada 25hb Oktober, 1979 lagi oleh Kontrektor—Syarikat Naga Sdn Bhd. Walau bagaimanapun ianya telah terbengkalai walaupun 3 kali tempoh tambahan berjumlah dua (2) tahun telah diberikan. Pihak berkenaan telah menamatkan kontrak syarikat tersebut pada 12-6-1982.

Pada masa ini kerja-kerja pembinaan jalan masuk sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan dijangka siap pada akhir tahun 1982. Hanya setelah kerja-kerja pembinaan jalan masuk siap dilaksanakan barulah Jabatan Telekom dapat memulakan tugasnya untuk membina dan menyiapkan projek berkenaan.

SEMPADAN NEGERI-NEGERI— KAJIAN

13. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abd. Hamid minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengkaji semula sempadan antara Negeri-negeri di Malaysia.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Kerajaan tidak ada apa-apa cadangan bagi mengkaji semula sempadan antara Negeri-negeri di Malaysia.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAYAN LEPAS— KEMUDAHAN

14. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Lapanganterbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang masih belum digunakan dengan sepenuhnya. Apakah sebabnya Kerajaan tidak memberi hak mendarat (landing rights) kepada lebih banyak syarikat penerbangan antarabangsa dari negara-negara yang lain; adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan lagi kemudahan-kemudahan kargo di lapangan terbang tersebut.

Dato' Lee San Choon: Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang telah dibina dengan kemudahan-kemudahan untuk menampung keperluan optima (optimum requirements) pergerakan

penerbangan, penumpang serta kargo sehingga tahun 1986. Semenjak lapanganterbang ini siap dibina dan operasinya dimulakan dalam pertengahan tahun 1978, perangkaan pergerakan pesawat, jumlah penumpang dan kargo menunjukkan bahawa kemudahan-kemudahan yang ada telah digunakan dengan memuaskan dan perkembangan trafik semakin bertambah dari tahun ke tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, kedudukan pergerakan penerbangan dan jumlah trafik penumpang seperti kargo yang dibuat melalui Lapangan Terbang Pulau Pinang adalah seperti berikut:

	<i>Gerakan Penerbangan</i>	<i>Trafik Penumpang</i>	<i>Jumlah Kargo (Kilo)</i>
1978	15,029	685,463	6,463,320
1979	14,650	757,111	6,407,886
1980	19,990	934,725	9,074,571
1981	23,622	1,099,661	8,545,581
1982 (Jan -Jun)	12,068	569,368	5,059,472

Dari perangkaan-perangkaan tersebut adalah jelas pada keseluruhannya penggunaan Lapangan Terbang Pulau Pinang bagi tahun-tahun yang lepas telah meningkat dari tahun ke tahun dan perkembangannya adalah mengikut kadar pertumbuhan yang telah diramalkan.

Bagi tahun-tahun yang akan datang pula mengikut ramalan, Lapangan Terbang Pulau Pinang akan terus digunakan dengan pesatnya dan dijangka dapat mencapai peringkat penggunaan optima dalam tahun 1986.

Kedudukan optima ialah berdasarkan kepada kiraan seramai 1,300 orang penumpang dalam waktu sibuk (peak hour passenger) menjelang tahun 1986. Perangkaan ramalan bagi tahun 1986 adalah seperti berikut:

<i>Gerakan Penerbangan</i>	<i>Jumlah Penumpang</i>	<i>Jumlah Kargo (Metrik tan)</i>
26,250	1,632,000	15,442

Adalah tidak benar bahawa Kerajaan tidak memberi hak mendarat kepada lebih banyak syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa dari negara lain. Dalam rundingan-rundingan udara dengan negara-negara asing, Kerajaan sentiasa memberi hak mendarat kepada syarikat-syarikat penerbangan asing yang ingin mengadakan penerbangan-penerbangan berjadual ke Pulau Pinang. Bagaimanapun perkara ini perlulah dipertimbangkan juga dari segi pertukaran hak mendarat yang seimbang untuk MAS dan juga sama ada syarikat-syarikat penerbangan tersebut mempunyai hasrat untuk mengadakan penerbangan ke Pulau Pinang. Pada masa ini terdapat 5 buah syarikat-syarikat penerbangan asing yang mengadakan penerbangan ke Pulau Pinang.

Bagi penerbangan-penerbangan tidak berjadual atau sewa khas bagi pelancung-pelancung, Kerajaan sentiasa bersedia menimbangkannya.

Mengenai kemudahan kargo, Kementerian saya memang ada rancangan untuk memperluaskan kemudahan kargo yang ada sekarang. Bagi maksud ini tindakan telahpun diambil untuk menyediakan rekabentuk akhir (detailed design) bagi pembinaan sebuah bangunan kargo baru seluas 70,000 kaki. Pelaksanaan pembinaan projek ini sedang dibincangkan dengan agensi pusat memandangkan kepada keadaan ekonomi sekarang.

TARIAN SINGA

15. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah Kerajaan sedar Kongress Kebudayaan Bumiputra 1971, antara lain telah menetapkan kebudayaan yang sesuai selain daripada kebudayaan aboriginal juga boleh diterima sebagai sebahagian kebudayaan Nasional, jika ya, mengapa tarian singa orang Tionghua tidak dapat diterima sebagai sebahagian Kebudayaan Nasional.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Benar bahawa Kongress Kebudayaan 1971 telah merumuskan kebudayaan asing yang sesuai boleh diterima sebagai sebahagian

daripada Kebudayaan Nasional, dan prinsip ini telah dipakai sebagai salah satu asas pembentukan kebudayaan nasional, tetapi tarian singa orang Tionghua masih belum dapat diterima oleh sebahagian besar rakyat Malaysia sebagai Kebudayaan Nasional walaupun ia diterima sebagai kebudayaan kaum Tionghua.

PERMOHONAN PASPOT MALAYSIA— PENJAMIN

16. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar mengikut peraturan Imigresen yang sedang berkuatkuasa pada masa ini, seorang pemohon (yang tidak mempunyai surat beranak) paspot Malaysia dikehendaki supaya memberi dua orang penjamin yang umurnya 10 tahun lebih tua dari pemohon sendiri dan apabila tempoh masa paspot itu telah tamat, pemohon itu dikehendaki supaya memberi dua orang penjamin lagi jikalau pemohon itu ingin mengambil satu paspot baharu jSTRU itu adakah Kerajaan menerima penjamin pertama itu sebagai pengesahan yang sah bagi permohonan paspot yang kedua dan seterusnya. Kalau tidak, adakah Kementerian berkenaan akan menimbang supaya penjamin pertama itu disahkan bagi maksud permohonan selanjutnya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa bin Hitam): Seseorang yang memohon paspot Malaysia dikehendaki mengemukakan surat akuan dari dua orang penjamin sebagai penggantian surat beranak di samping kad pengenalannya. Surat pengesahan ini mencukupi bagi maksud perlanjutan dan pembaharuan selanjutnya.

KELAB UMNO DI LUAR NEGERI

17. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah beliau sedar bahawa ahli-ahli yang menjadi anggota Kelab UMNO di luar negeri itu terdiri dari pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa Kerajaan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Kita memang sedar bahawa sebilangan daripada ahli Kelab UMNO ini terdiri daripada pelajar-

pelajar yang mendapat biasiswa Kerajaan dan ada juga sebilangan pelajar-pelajar yang menganggotai Kelab UMNO ini adalah pelajar-pelajar persendirian. Kementerian tidak ada halangan kepada pelajar-pelajar kita menjadi ahli Kelab UMNO kerana ia merupakan kelab, sosial, rekreasi dan kebajikan.

Kelab ini juga membolehkan ahli-ahlinya berkenal-kenalan, berbincang dan bertukar fikiran terutama mengenai perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan kebajikan serta perkhidmatan para pelajar dan mengikuti hal ehwal semasa dalam perkara kemasyarakatan, ekonomi dan siasah mengenai tanahair.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb Oktober, 1982)

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang sebanyak \$11,669,988,913 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diuntukkan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah

maksud-maksud itu bersetentangan dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (25hb Oktober, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat dari Kepong.

3.41 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, menurut Belanjawan tahun 1983 bagi menggalakkan lagi usaha-usaha eksport, Kerajaan telah giat menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat perdagangan secara besar-besaran di kalangan sektor swasta seperti 'Sogoshosha' Jepun yang telah menunjukkan kejayaannya. Galakan-galakan eksport yang ada sekarang akan juga dapat dinikmati oleh Sogoshosha-sogoshosha yang akan dikendalikan oleh usahawan-usahawan Malaysia sendiri. Jikalau Sogoshosha Jepun ditiru dengan gopoh-gapah tanpa meresapi cara-cara pelaksanaan yang berkesan tersebut maka 'sogoshosha Malaysia' boleh menjadi 'sungguh susah' di Malaysia. Tambahan pula adanya sistem buruh di Jepun di mana perkhidmatan-perkhidmatan pertambahan tidak dibayar dan juga terdapat organisasi industri Jepun secara keluarga. Ini adalah dua faktor yang membawa kejayaan kepada ekonomi Jepun selain dari faktor-faktor yang bersangkutan-paut dengan pasaran.

Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan kadar pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1983 sebagai 6% yang tidak realistik dan sungguh mengejutkan banyak orang Malaysia dan kerana setakat ini kegagalannya untuk mengadakan polisi perindustrian termasuk ketiadaan pengumuman matlamat eksport bagi tiap-tiap suku tahun dan ketiadaan mesyuarat bulanan bagi menggalakkan perdagangan sepertimana yang terdapat di Korea Selatan, saya mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil perhatian dengan sepenuhnya dan seterusnya membetulkan kelemahan-kelemahan sektor perindustrian yang berdasarkan eksport di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan tahun 1983 Yang Berhormat Mulia mengenakan pertambahan cukai seperti cukai perkhidmatan, cukai jualan, cukai eksais arak dan tembakau, duti import kereta-kereta motor, cukai jalan dan sebagainya. Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1983 dikurangkan sebanyak \$2,962 juta berbanding dengan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1982. Kononnya Kerajaan telah mengambil langkah-langkah perlu bagi menentukan supaya perbelanjaan Kerajaan dikawal dengan lebih ketat dan seboleholehnya pada tingkat yang paling rendah. Adakah langkah-langkah tersebut dikenakan ke atas Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri?

Pada bulan Julai tahun 1980 Dewan yang mulia ini telah menaikkan gaji-gaji bagi Menteri-menteri dari \$3,000 ke \$6,500 sebulan. Selain dari gaji-gaji tersebut, mereka menerima berbagai elaun termasuk elaun tanpa cukai bagi Ahli-ahli Parlimen sebanyak \$3,000 sebulan serta elaun perjalanan \$150. Ini bermakna seorang Menteri mendapat \$9,650 sebulan. Tiap-tiap Menteri diberi elaun perumahan sekurang-kurangnya \$2,000 hingga \$3,000 sebulan, sebuah kereta, seorang pemandu, seorang tukang kebun dan sebagainya. Tiap-tiap Menteri adalah dibayar oleh rakyat sekurang-kurangnya \$15,000 sebulan. Seorang Menteri berhak memperoleh cuti seberang laut dua kali setahun. Perbelanjaan perjalanan dan elaun \$200 sehari adalah ditanggung oleh Kerajaan. Sekiranya jumlah bilangan ahli keluarga bagi seorang Menteri adalah 5 orang, jumlah perbelanjaan untuk bercuti ke seberang laut bagi keluarga tersebut adalah sekurang-kurangnya \$30,000 kerana seorang Menteri dibenarkan bercuti dua kali setahun; dua kali \$30,000 menjadi \$60,000. Ini bermakna seorang Menteri berhak mendapat kira-kira \$5,000 sebulan untuk bercuti di luar negeri. Jika dibandingkan dengan pengurangan gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dilakukan oleh beliau sendiri sebanyak \$12,000 setahun, maka perbelanjaan \$60,000 untuk bercuti merupakan suatu keanehan yang tidak boleh digambarkan.

Tatkala kempen jimat-cermat dilancarkan dan langkah-langkah kawalan perbelanjaan yang lebih ketat dikenakan pada tingkat yang paling rendah, apakah kesan keanehan tersebut ke atas orang ramai. Biasanya "Guru kencing berdiri, anak murid kencing berlari". Oleh itu saya mengesyorkan agar elaun bercuti seberang laut bagi tiap-tiap Menteri dan tiap-tiap Timbalan Menteri diberhentikan dengan serta-merta. Memandangkan kemelesetan ekonomi yang berterusan, gaji-gaji dan elaun-elaun Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri hendaklah dikaji semula. Perlu diperingatkan bahawa tiap-tiap Menteri dan Timbalan Menteri sentiasa pergi ke seberang laut untuk menyertai mesyuarat, seminar, persidangan dan lain-lain kononnya urusan rasmi.

Strategi keseluruhan Belanjawan tahun 1983 adalah:

- (a) Untuk memperkemas dan memperkukuh kedudukan kewangan Kerajaan;
- (b) Untuk memperbaiki dan memperkukuh imbangan pembayaran; dan
- (c) Untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga.

Strategi tersebut akan mewujudkan pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1983 dengan kadar yang minima. Kadar 4.9% bagi Keluaran Dalam Negara Kasar dan 4.4% bagi Keluaran Negara Kasar pun susah hendak dicapai. Inilah akan jadinya kedudukan kewangan Kerajaan. Imbangan pembayaran akan bertambah buruk kerana pemansuhan semua cukai ke atas minyak wangi, beberapa jenis alat solek, cine camera, projektor, recorder suara, radio transistor dan pen ball-point akan menjadikan barang-barang tersebut lebih murah. Semuanya barang-barang mewah yang sekarang ini tidak dapat dibeli oleh orang-orang yang makan gaji biasa, buruh dan petani-petani. Permintaan bagi barang-barang tersebut akan bertambah dengan tinggi kerana pemansuhan cukai itu kerana barang-barang ini tidak diperbuat dalam negeri. Bil-bil import akan melambung tinggi dan kurangan dagangan akan bertambah buruk.

Ini adalah bercanggah dengan strategi untuk memperbaiki dan memperkukuh imbalan pembayaran yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia. Sungguhpun pemansuhan cukai ini mungkin dapat membantu dagangan runcit tetapi sama ada ia dapat menggalakkan industri pelancungan merupakan perkara yang menyangsikan. Adakah salah satu tujuan pelancung-pelancung yang tiba di Malaysia semata-mata untuk membeli barang-barang yang kita sebutkan tadi? Akaun dagangan di dalam imbalan pembayaran dijangka mencatatkan kekurangan sebanyak \$2,453 juta pada tahun 1982. Kini terdapat kemungkinan yang besar bahawa kekurangan dagangan akan bertambah buruk pada tahun 1983 terutamanya disebabkan kemelesetan ekonomi negara perindustrian OECD dan Amerika Syarikat yang berterusan. Kemelesetan ini mengakibatkan permintaan untuk bahan-bahan utama seperti getah, bijih timah, minyak kelapa sawit dan sebagainya adalah kurang. Kenaikan bil-bil import dan kekurangan eksport akan terus menjejaskan imbalan pembayaran khususnya imbalan dagangan. Malahan dalam tahun 1982 pinjaman belum selesai Kerajaan dijangka berjumlah \$40,122 juta berbanding dengan \$30,145 juta pada akhir tahun 1981 iaitu pertambahan sebanyak 33%.

Dalam tahun 1983 pertambahan pinjaman Kerajaan terutamanya pinjaman luar negeri akan meningkat. Dengan bayaran balik pokok serta faedah pinjaman berjumlah \$4,819 juta nisbah khidmat bayar hutang dijangka bertambah menjadi 4.9% dalam tahun 1982 berbanding dengan 2.7% pada tahun 1981. Akan tetapi dalam tahun 1982 jumlah eksport Malaysia adalah dijangka hanya \$26,640 juta berbanding dengan jumlah import barangan yang dijangka \$28,276 juta. Jika khidmat bayar hutang dibanding dengan pendapatan eksport yang kurang dari pembayaran untuk import dan juga dengan perbelanjaan mengurus bagi tahun 1982 sebanyak \$12,881 juta yang telah disemakkan, kegentingan kedudukan hutang piutang Malaysia adalah sangat nyata.

Di sini saya hendak memetik dari seorang pujangga British, Charles Dickens yang pernah disebutkan oleh Menteri Kewangan

yang kedua di Legislative Council pada 12hb November, 1956. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Charles Dickens made one of his famous characters in a famous novel say that if your income is £1 and you spend 19s 6d you are safe, but if, on the other hand, you spend £1 and 6d then you will inevitably land in trouble". Charles Dickens menjadikan salah satu pelaku terkenal dalam satu novel terkemuka menyebutkan bahawa sekiranya pendapatan awak \$1 misalnya dan awak membelanjakan 95 sen, awak adalah terselamat. Akan tetapi sebaliknya, jikalau awak menggunakan \$1.05 nescaya awak akan menghadapi kesusahan. Apa yang benar dengan seseorang itu boleh juga digunakan untuk Kerajaan dengan tepat dan sah.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya peminjaman terutamanya dari luar negeri digunakan dengan baik misalnya untuk perbelanjaan pembangunan khususnya bagi pembangunan jangka masa panjang maka saya dapat menyetujui dengan peminjaman tersebut. Seandainya pinjaman itu dibazirkan atau disalahgunakan tanpa pembangunan yang benar-benar berlaku maka peminjaman tersebut adalah tidak boleh dipersetujui. Oleh itu saya mendesak Yang Berhormat Mulia Menteri agar janganlah mengangap nisbah khidmat bayar hutang 4.9% dalam tahun 1982 adalah rendah, sebaliknya Kerajaan hendaklah sentiasa berwaspada.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi kesan keseluruhan Belanjawan tahun 1983 ialah inflasi akan menjadi lebih teruk lagi disebabkan oleh tekanan kos (cost push variety), inflasi tekanan kos disebabkan oleh:

- (a) cukai jualan dinaikkan 5% ke atas kira-kira 25% barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan. Akhirnya pengguna-penggunalah yang terpaksa memikul beban kebaikan cukai tersebut;
- (b) cukai perkhidmatan dinaikkan 5% dan ini akan mengenakan beban yang lebih berat lagi kepada pekerja-pekerja;
- (c) duti eksais dikenakan ke atas liquor, arak dan tembakau yang juga akan menambahkan inflasi kita;

- (d) duti import untuk motor-motor vehicle dan ini juga akan menekankan inflasi di negara kita;
- (e) cukai jalan bagi tiap-tiap kereta yang lebih daripada 1,200 c.c.;
- (f) pembayaran-pembayaran untuk hospital akan disemak semula dan dinaikkan terutamanya bagi kelas pertama dan kelas kedua di hospital-hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil kesempatan ini untuk menyentuh hal Orang Asli di negara kita yang nampaknya di dalam Belanjawan tahun 1983 tidak ada peruntukan baginya.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita terdapatnya bumiputra tulin—super bumiputra atau maha bumiputra iaitu Orang Asli. Pada tahun 1970 bilangan Orang Asli ialah 53,000 dan kini bilangannya kira-kira 70,000. Mereka terdiri dari tiga golongan; Senoi, Proto Malays dan Negritos. Suku-suku bansanya termasuk Semai, Temiai, Jahut, Jakun, Temuan, Semalai, Jahai, Batek, Lanuh dan sebagainya. Kira-kira 60% orang Asli tinggal dalam hutan bulantara dan 40% di pantai dan di luar bandar. Hampir semua melibatkan diri dalam menanam pindah menangkap ikan, perburuan, mencari, mengumpul dan menjualkan hasil hutan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Walaupun Kerajaan kononnya mengadakan banyak skim dan projek untuk Orang Asli dengan peruntukan sebanyak \$22 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga mutu kehidupan di setengah-setengah Orang Asli telah meningkat tetapi taraf kehidupan mereka tidak berubah. Mereka merupakan golongan yang miskin di negara kita. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, kais malam makan malam. Mereka merupakan peribumi yang masih tinggal di zaman abad kesembilan belas walaupun sekarang ialah abad ke duapuluh. Orang-orang Asli mengalami berbagai kesusahan dan kesulitan termasuk hubungan mereka dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang tidak mempunyai seorang Orang Asli sebagai kakitangannya.

Dengan peluang untuk melatih dan mempelajari Orang-orang Asli akan memperolehi kebolehan dan kemampuan untuk menjadi kakitangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, mengapa ini tidak dilaksanakan?

Setakat ini tidak ada Orang Asli yang menjadi doktor, loyar, peguam, jurutera dan sebagainya. Di antara berbagai masalah Orang Asli itu termasuklah perumahan. Pemasaran hasil hutan mereka telah dieksploitasikan oleh orang-orang tengah keturunan Melayu dan Cina. Penagihan dadah yang boleh memusnahkan Orang Asli. Pelacuran.....

Dr Tan Tiong Hong: Saya hendak beri penjelasan berkenaan Orang Asli.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Ya.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Kepong memberitahu Dewan ini dalam Belanjawan tahun 1983 tidak ada peruntukan untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Tetapi saya ingin memberitahu Yang Berhormat di dalam buku Belanjawan Persekutuan 1983, Maksud Bekalan 42, muka surat 421, jumlah Belanja Mengurus \$20,775,500 dan \$8,600,000 telah diperuntukkan untuk pembangunan.

Dr Tan Seng Giaw: Masalah penagih dadah yang boleh memusnahkan Orang Asli. Pelacuran gadis-gadis Orang Asli telah dijumpai di kalangan orang-orang lelaki dan hotel-hotel murah dan sebagainya. Saya merasa bangga dan bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menjayakan kemajuan orang-orang Melayu. Ini satu usaha yang bagus. Tetapi untuk Orang Asli nampaknya kalaulah ada usaha itu sangat ketara, tidak ada hasilnya.

Di sini saya hendak mencadangkan bahawa memandangkan Orang Asli merupakan bumiputra yang tulin, maha bumiputra atau peribumi langkah-langkah yang berkesan hendaklah diambil oleh Kerajaan untuk membaiki taraf pelajaran, kesihatan dan kehidupan Orang Asli. Kongres Orang Asli

patutlah dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk memperbincangkan masalah-masalah sosio ekonomi Orang Asli sepertimana yang dianjurkan oleh UMNO bagi orang-orang Melayu semenjak kemerdekaan 25 tahun yang silam.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1983 adalah.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ada banyak lagi Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Belanjawan Tahun 1983 adalah Belanjawan yang mempunyai harapan yang terlalu tinggi, yang terlalu optimis, yang akan menyebabkan kekecewaan nanti. Ia merupakan belanjawan berpegecutan (contractionary budget) dengan tekanan-tekanan inflasi yang akan mengakibatkan kadar inflasi yang lebih tinggi lagi pada tahun 1983. Tidak ada usaha yang menggalakkan penyimpanan, cuma percubaan untuk mengekalkan amalan penggunaan dengan nyata (conspicuous consumption). Memang Belanjawan boleh mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang minima tetapi wang simpanan akan disalurkan untuk menyelubungi kekurangan perdagangan dan khidmat bayar hutang dan kurang imbalan perdagangan akan bertambah buruk pada tahun 1983. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Gajah.

4.07 ptg.

Tuan Ban Hon Keong (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kerana saya diberi peluang untuk turut berbincang dalam Belanjawan Tahun 1983.

Saya juga memberi sokongan yang penuh kepada Belanjawan 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia, pada hari Jumaat yang lalu.

Saya faham benar bahawa Belanjawan yang dibawa oleh Menteri Kewangan itu memang ada membawa beban kepada kebanyakan rakyat kita, tetapi jikalau kita memandangkan kepada keadaan ekonomi sedunia dan

kemelesetan ekonomi negara kita maka Belanjawan itu adalah satu Belanjawan yang amat sesuai, wajar dan praktikal pada masa ini. Saya maksudkan untuk tempoh masa ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, Belanjawan 1983 ini telah membawa balik nyawa dan semangat kepada hasil bumi dan perusahaan utama. Seperti getah, duti-duti eksport hanya dikenakan pada harga 170 sen sekilo dibandingkan dengan 154 sen sekilo dahulu dan bijih timah pula, duti-duti itu hanya dikenakan pada harga \$26.40 sen sekilo dibandingkan dengan \$23.15 sen sekilo dahulu. Getah dan bijih timah adalah hasil utama negara kita, kerana keperluan di pasar kurang dan harga merosot, maka kebun-kebun getah dan lombong-lombong bijih timah telah menghadapi satu krisis. Oleh kerana kos keluaran melambung dan pendapatan kurang banyak kebun-kebun getah telah dipaksa hentikan prosesnya dan lombong-lombong gravel pump ditutup dan bilangan menganggur telah bertambah, maka kelengkapan duti-duti tersebut telah membawa nyawa baru kepada kedua-dua perusahaan itu. Oleh yang demikian, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Kewangan kerana pandangannya yang tajam dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Belanjawan Menteri Kewangan, negara kita masih menghadapi satu kekurangan kewangan, iaitu Akaun Semasa Imbalan Pembayaran dijangka akan mencatatkan kekurangan sebanyak \$8,649 juta pada tahun ini, di antara kekurangan ialah \$2,400 dari Akaun Perdagangan (visible trade) dan bakinya ialah dari Akaun Perkhidmatan (invisible trade). Pada tahun hadapan, dengan bermulanya eksport gas cecair asli (LNG) dari tahun hadapan serta tambahnya pengeluaran dan eksport minyak mentah Akaun Perdagangan akan mendapat lebihan sebanyak \$99 juta, tetapi kekurangan Akaun Perkhidmatan akan bertambah kepada \$6,691 juta dari \$6,093 juta tahun ini. Maka dengan nyatanya kekurangan Imbalan Pembayaran Negara kita adalah disebabkan oleh Akaun Perkhidmatan (invisible trade). Sungguhpun galakan-galakan cukai yang luas telah diberi untuk

menambah pendapatan daripada perkapalan dan insurans pada tahun lepas, tetapi memandangkan keadaan kurangan Akaun Perkhidmatan, maka saya merasa galakan-galakan tersebut memang tidak cukup lagi. Oleh yang demikian, saya bercadang kepada pihak Kerajaan supaya langkah-langkah yang lebih positif dan galakan-galakan yang lebih berkesan diberi untuk mengembangkan "invisible trade" negara kita, supaya mengimbangkan 'Imbangan Pembayaran' seluruhnya dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan Belanjawan 1983, khasnya dalam bidang perumahan. Menteri Kewangan akan menambah 40,000 unit dalam 18 bulan sebagai tambahan kepada 70,000 setahun dahulu. Tetapi saya masih ragu kemampuan rakyat untuk membelinya, kerana kadar pendapatan rakyat untuk membelinya, kerana kadar pendapatan rakyat seluruhnya memang tidak dapat mengejar kadar kenaikan harga rumah, sungguhpun pinjaman bank akan disediakan dan saya juga ragu, kalau kita boleh mencapai satu kadar pertumbuhan sebagai 10 peratus dalam perumahan dalam tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mencadang kepada pihak E.P.F. supaya menambah pinjamannya kepada penyimpan-penyimpan kerana mengikut kadar maksima sekarang, \$20,000 itu, apakah jenis rumah dapat kita beli di bandar seperti Kuala Lumpur ini. Khasnya tempoh masa ini dengan kenaikan cukai jualan, saya pasti harga bahan-bahan pembinaan akan naik dan kos pembinaan juga akan naik, maka bertambah susah lagi untuk seorang rakyat untuk memiliki sebuah rumah sebagai tempat perlindungan. Oleh yang demikian, pihak E.P.F. memang tidak boleh melengah untuk menambah kadar pinjamannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana cadangan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, cukai jualan akan dinaikkan dari 5 peratus kepada 10 peratus dan ini pada pandangan saya adalah satu beban yang berat kepada rakyat sekalian, kerana dengan kenaikan 5 peratus itu ia bermaksud rakyat seluruhnya dikehendaki bertanggung lagi \$788

juta. Dan ini juga bermaksud setiap rakyat dikenakan membayar lebih kurang \$56 ringgit. Kalau kita anggap jumlah bilangan rakyat kita sebagai 14 juta orang dan kalau purata 5 orang sekeluarga maka setiap keluarga dikehendaki memikul beban lebih kurang \$282 setahun. Memandangkan keadaan masa sekarang tanggungan ini benar-benar adalah satu tanggungan yang berat. Oleh yang demikian, saya bercadang sekiranya suasana ekonomi negara kita pulih, maka saya harap cukai jualan ini dapat dikaji semula. Dan kepada rakyat pula saya harap bersabarlah buat sementara ini supaya dapatlah kita bersatu-padu melalui tempoh masa yang sukar ini dengan selamat dan jaya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Hilir Perak.

4.18 ptg.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyertai perbahasan ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada petang 22hb Oktober, 1982 yang lepas, pihak saya sungguh terkejut kerana Belanjawan Negara bagi tahun-tahun 1982/1983 digubal begitu rupa sehingga tidak menjejaskan secara langsung keadaan hidup rakyat yang berpendapatan rendah walau di bandar ataupun di desa. Ia merupakan benar-benar Belanjawan di mana yang kaya menolong yang miskin.

Dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset ini Kerajaan Barisan Nasional masih dapat mempertahankan kekukuhan ekonominya dan Belanjawan seperti ini sungguh-sungguh membawa erti yang besar di mana Kerajaan Barisan Nasional bersungguh-sungguh ingin membuktikan kepada rakyat terutama yang berpendapatan rendah bahawa Kerajaan hari ini akan berbuat apa sahaja untuk menentukan kesentosaan hidup rakyat keseluruhannya. Sikap adil dan bertanggung-jawab inilah yang menyebabkan rakyat secara majoriti yang besar telah memilih Barisan Nasional untuk menjadi teraju pemerintahan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun wakil Kota Melaka telah menyatakan bahawa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada tahun lepas tidak berapa arif menelaah keadaan ekonomi dunia sehingga tidak mengukur baju mengikut keadaan diri sendiri. Namun begitu wakil Kota Melaka mesti faham bahawa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tahun lepas menempah baju Melayu yang selalunya besar di sana sini tetapi tahun ini beliau menempah baju tradisional India yang singkat di badan tetapi masih kemas dan cantik dipandang.

Saya sungguh tertarik dengan komen-komen parti Pembangkang bahawa kalau kita melihat ke Timur mestilah ikut sepertimana negeri Jepun. Kalau negeri Jepun ada 300 buah universiti, Malaysia juga mesti ada sekurang-kurangnya 30 buah universiti. Kalau Jepun banyak universiti swasta, Malaysia juga mesti digalakkan menubuhkan universiti swasta.

Perlu saya ingatkan di Dewan yang mulia ini kepada Ketua Pembangkang bahawa Kerajaan tidak mempunyai lampu ajaib Aladdin yang mana dalam masa satu tahun polisi itu diutarakan Malaysia sudah sama dengan negeri Jepun. Bercakap senang tetapi hendak melaksanakan bukanlah begitu mudah. Berapalah berat mata memandangi, berat lagi bahu yang memikul. Tetapi janganlah disalahkan parti Pembangkang, mereka tidak pernah memikul, selama 25 tahun mereka hanya memandangi dan bercakap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, acap kali pihak Kerajaan dipersoalkan di manakah yang dikatakan Bersih, Cekap dan Amanah. Ini serupalah juga dengan polisi Pandang ke Timur di atas tadi. Rome tidak dibina dalam satu hari. Pandang ke Timur dan Bersih, Cekap dan Amanah adalah slogan baru Kerajaan 2M yang akan menjadi asas untuk menyediakan satu generasi baru yang penuh bertanggungjawab, disiplin dan berdedikasi terhadap negara ini. Kita berazam untuk membina satu jambatan penyambung di antara generasi hari ini ke generasi yang akan datang. Slogan Pandang ke Timur dan Bersih, Cekap dan Amanah adalah batu-bata yang

akan membina jambatan tersebut. Jika kukuh dan kuat jambatan yang akan kita bina itu, kukuh dan kuatlah generasi kita yang akan datang.

Generasi yang akan datang terletak di atas bahu kita semua. Jika kita gagal dalam hal ini anak cucu kita kelak akan memaki hamun kita semua atau mungkin kubur kita sendiri akan dikencing oleh mereka. Bersyukur kita kepada pucuk pimpinan Kerajaan hari ini yang telah pun berani mengutarakan kedua-dua slogan tersebut dan terpulanglah kepada kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyahut seruan tersebut dan menolong agar slogan-slogan tersebut benar-benar dapat dipraktikkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memanjangkan sedikit lagi ucapan saya ini, ingin saya berhujah sedikit tentang sikap ahli-ahli DAP yang terlalu bangga akan kemenangan mereka di Kepayang baru-baru ini. Ini adalah kerana hampir kesemua wakil DAP memperkatakan sehingga Ketua DAP mencipta deklarasinya sendiri atau Deklarasi Kepayang, katanya.

Sebenarnya rakyat di Malaysia ini termasuk di Kepayang terlalu lembut hati. Mudah kasihan terutama jika melihat orang itu hendak mati. Apatah lagi jika orang yang hendak mati itu merayu agar janganlah dibiarkan ia mati. Dengan perasaan yang hiba dan kasihan inilah DAP dihidupkan semula di Kepayang. Bila boleh hidup semula janganlah bersorak tak sedar diri, seperti ayam bertelur sebiji riuh satu kampung. Contohnya Barisan Nasional, bertelur beratus biji berketak pun tidak kedengaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana ekonomi dunia yang meleset ini adalah baik dan bijak kita memikirkan semula peruntukan-peruntukan kecil yang membazir dan melemahkan rakyat yang telah kita lakukan beberapa lama ini. Peruntukan-peruntukan seperti membeli permaidani surau, pembesar suara, pinggan mangkuk, alat-alat sukan bukanlah satu amalan yang baik dan berkesan. Ini akan melemahkan lagi rakyat untuk bekerja keras, berusaha sendiri dan bertanggungjawab. Jika barang-barang seperti ini diberi percuma, perasaan sayang

dan bertanggungjawab di kalangan rakyat sudah tidak ada lagi. Peruntukan seperti ini secara tidak langsung Kerajaan mengajar rakyat menjadi lemah, menjadi lumpuh dan apakah jagi kepada negara ini jika rakyatnya sudah lemah dan sudah lumpuh. Kalau permaidani kita beri percuma, pinggan mangkuk juga diberi percuma, kemungkinan satu hari nanti perbelanjaan kenduri kahwinpun akan kita beri. Diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bijaksana agar dapat memulihkan semula semangat rakyat, semangat ke arah bekerja kuat, bertanggungjawab dan berdikari. Kita wajib menyemaikan semangat ini, bukan menghulurkan itu dan ini sehingga mereka hanya duduk mendiamkan diri dan akhirnya apabila mereka terpaksa bangun menghadapi cabaran kakitangan mereka telah lumpuh.

Popularkan diri kepada idea dan kerja-kerja yang produktif, bukan dengan kerja-kerja yang negatif. Apa yang diperlukan oleh rakyat luar bandar ialah jalanraya untuk anak-anak mereka bersekolah dengan selesa, mengeluarkan hasil-hasil pengeluaran mereka, senang menghantar keluarga yang sakit ke rumah sakit, air paip agar mereka sihat dan tidak diserang oleh penyakit, api untuk senang anak-anak mereka membuat kerja-kerja sekolah serta menghafal pelajaran di rumah, rakyat dapat membaca akhbar dan majallah serta menonton televisyen agar pengetahuan dan pandangan rakyat berkembang maju. Apabila rakyat sudah sihat, berpengetahuan serta anak-anak mereka dapat maju dalam pelajaran, segala peruntukan yang remeh-temeh yang saya katakan tadi akan dapat diperolehi oleh mereka sendiri dan benda-benda itu akan dijaga, dipelihara dan disyangi oleh mereka dengan penuh tanggungjawab daripada benda-benda yang dapat dengan percuma. Inilah tugas kita semua membimbing dan membawa rakyat ke arah menghadapi hidup yang lebih bermakna, menghadapi hidup dengan cabaran dan dugaan dan ini akan mewujudkan rakyat yang berdisiplin, berdedikasi dan bertanggungjawab kepada dirinya, kepada keluarganya, bangsa, ugama dan negaranya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ekonomi yang meleset ini juga ada beberapa perkara yang wujud di hari ini yang terpaksa ditimbangan semula dengan seriusnya. Di masa ini terlalu banyak hari-hari perayaan seperti Hari Guru, Hari Tentera Darat, Laut dan Udara, Hari Peladang dan sebagainya. Di hari-hari tersebut tiap-tiap kumpulan ini merayakan hari-hari tersebut dengan acara mereka sendiri dan berkumpul di dalam kumpulan mereka sendiri. Jika keadaan ini berlarutan maka jurang pemisahan di antara kumpulan-kumpulan akan bertambah luas dari masa ke semasa. Tidak wujud satu koordinasi yang jitu untuk kepentingan rakyat dan negara. Inilah sebabnya kadangkala rancangan FELDA dan FELCRA dibuka luas sekolah tidak dibina, kalau adapun tidak mencukupi sehingga menjejaskan pelajaran anak-anak. Jalan siap dibina oleh Jabatan Kerjaraya, dikorek semula oleh Jabatan Taliair dan Lembaga Letrik Negara hingga menyusahkan pengguna-pengguna serta membazirkan wang.

Di samping itu apabila perayaan itu menjelang bagi kumpulan-kumpulan tersebut diadakan, kutipan derma untuk perayaan-perayaan atau sebagainya. Ini tidak memberi makna kerana bukan menambahkan lagi prestasi untuk bekerja sebaliknya semata-mata berseronok dengan membazirkan wang. Dengan ini tentulah bertentangan dengan konsep lihat ke Timur yang mana kita ingin ciptakan satu masyarakat yang rajin, tekun, berdisiplin dan berdedikasi. Pihak saya mengesyorkan agar hari-hari perayaan tersebut diganti dengan dua hari perayaan yang penting yang meliputi seluruh rakyat jelata di dalam negara ini. Satu, ialah Hari Rakyat dan yang kedua, ialah Hari Perkhidmatan Awam yang mana meliputi polis dan tentera. Apabila Hari Rakyat atau Hari Perkhidmatan Awam dirayakan kedua-dua pihak rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan termasuk polis dan tentera di satu-satu tempat itu akan berganding bahu menjalankan kegiatan-kegiatan amal seperti membersihkan kampung, pekan, bandar, masjid, rumah-rumah berhala, tanah perkuburan juga pejabat-pejabat Kerajaan. Kegiatan-kegiatan seperti ini bukan sahaja

menghidupkan kembali semangat bergotong royong tetapi membimbing rakyat keseluruhannya bekerjasama antara satu dengan lain, memahami fungsi masing-masing, bekerja keras, rajin dan akhirnya dapat menjimatkan perbelanjaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika konsep ini dapat kita rancang dan laksanakan pihak kita dapat benar-benar menolong untuk menentukan kecapaian slogan melihat ke Rimur serta Cekap, Bersih dan Amanah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandau.

4.30 ptg.

Tuan Newman Gaban (Bandau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut membahas sedikit berkaitan dengan Belanjawan 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya dapati bahawa Belanjawan bagi tahun 1983 adalah Belanjawan yang boleh dikatakan realistik memandangkan keadaan. Walaupun tidak begitu banyak perubahan yang sesuai, tetapi segala perubahan peruntukan yang diberi keutamaan menunjukkan bahawa perkembangan atau pembangunan ekonomi harus berterusan walaupun kita mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan dalam sektor-sektor atau aktiviti yang telah menunjukkan tiada kemajuan dan kurang hubungan ekonomi yang perlu untuk pembangunan.

Saya merasa bangga terutama sekali kerana peruntukan pertanian hanya dikurangkan sedikit sahaja dan projek di luar bandar yang sudah dirancang akan diteruskan. Walaupun kemerosotan yang baru-baru ini telah begitu mengurangkan projek pembangunan di luar bandar, yang penting untuk membantu perkembangan pertanian. Adalah menjadi kepercayaan saya bahawa hanyalah melalui perkembangan dalam cara-cara pengeluaran pertanian akan membolehkan penduduk-penduduk luar bandar meningkatkan ataupun memperbaiki keadaan pendapatan (income) ekonomi mereka.

Persediaan Belanjawan 1983 telah dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dunia. Walaupun latarbelakang dan sebab-sebab bagi keadaan ekonomi dunia sekarang boleh dijelaskan atau diterangkan oleh ahli-ahli pakar ekonomi, namun adalah perlu diingatkan bahawa teori ekonomi dan pandangan jauh jarang sekali menemui keadaan sebenarnya. Oleh yang demikian, saya berharap adalah perlu dimasukkan satu cara tolak ansur dalam sistem kita untuk menukar arah kita secepat mungkin dan menyesuaikan apa yang telah diaturkan untuk menghadapi keadaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa berpendapat bahawa tentangan terpenting yang dihadapi oleh negara kita hari ini ialah untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat kita supaya dapat mencapai kekukuhan atau kestabilan dan kemajuan yang sebenar walaupun kita boleh menyetujui bahawa Malaysia telah membuat perkembangan yang mustahak dalam segala bidang dan bahagian atau seksyen ekonomi semenjak kemerdekaan. Arahnya masih jauh lagi sebelum kita dapat mencapai matlamat yang kita kehendaki. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Dasar Ekonomi Baru atau NEP dalam konteks ini, saya ingin mengemukakan kepada semua Ahli-ahli Dewan-ini pemerhatian atau tinjauan saya sedikit—Ahli-ahli Dewan ini mungkin bersetuju dengan saya bahawa faktor yang terpenting atau kunci bagi kemajuan atau perkembangan ekonomi kita secara menyeluruh ialah perkembangan dan kemajuan pertanian kita dan juga ekonomi luar bandar di mana kehidupan kebanyakan warganegara kita yang miskin terpusat. Sebagai permulaan kemudahan-kemudahan jenis infrastruktur yang perlu dan sesuai adalah wajib untuk memberikan kepada rakyat kesenangan atau kenikmatan yang amat penting dan peransang atau dorongan-dorongan yang diperlukan bagi perkembangan pertanian seperti taliair untuk perkembangan penanaman padi sawah. Adalah adil untuk menyatakan bahawa Kerajaan telah memberi peruntukan yang besar bagi sektor pertanian di luar bandar pada masa-masa lampau tetapi

memandangkan kepentingan sektor luar bandar di Malaysia dan bilangan rakyat luar bandar yang masih hidup tanpa kemudahan atau kenikmatan infrastruktur dan tinggal lebih kurang sama seperti nenek moyang mereka sebelum merdeka. Saya berpendapat bahawa kita perlu memperuntukkan lebih banyak lagi wang Kerajaan dari yang pernah diperuntukkan pada masa-masa yang lalu untuk sektor pertanian dan luar bandar. Untuk menjelaskan pandangan saya bahawa walaupun Kerajaan telah memperuntukkan banyak wang untuk luar bandar tetapi lebih banyak lagi peruntukan mustahak diperlukan.

Saya mengemukakan satu perkara berkenaan di kawasan Parlimen saya iaitu Bandau. Syukur atas peruntukan Federal pada masa sekarang ini sebuah jalan raya yang lama dinanti-nantikan dengan pentingnya sedang dibina menghubungkan ataupun menghubungkan Kota Marudu dengan Kampung Marak Parak, satu kampung di kawasan bukit, sungguhpun ini adalah satu pembaikan yang besar setelah hampir 20 tahun menunggu semenjak hari terakhir pemerintahan kolonial ianya pasti tidak mencukupi. Jalanraya yang 12 batu jauh panjangnya itu yang sedang dibina tidak sampai ke Kampung Melangkap yang jauhnya hanya 8 batu, pada hal kampung itu mempunyai ramai penduduk. Ini bererti bahawa Kampung Melangkap yang mempunyai paling kurang 230 orang pengundi tidak mempunyai jalan keluar ke pekan Kota Marudu. Murid-murid sekolah rendah lelaki dan perempuan dari Kampung Melangkap kelihatan berjalan kaki setiap pagi bermula pada kira-kira pukul 4.30 pagi, berjalan menerusi jalan kecil dan melintasi hutan yang merbahaya untuk pergi ke sekolah yang terdekat iaitu Kampung Marak Parak yang 8 batu jauhnya. Pada umumnya masalah seperti ini di mana perbekalan itu berguna tetapi tidak mencukupi, juga meluncur ke usaha-usaha pengeluaran pertanian seperti kekurangan taliair atau perairan untuk perkembangan penanaman padi.

Satu lagi contoh tanah rata adalah tersedia atau dapat diperolehi untuk perkembangan atau meluaskan tanaman padi sawah tetapi kerana keadaan permukaan terdorong

menggunakan tanah-tanah itu jika tanah-tanah itu tidak diratakan dengan mesin-mesin perata yang sesuai dan memerlukan peruntukan kewangan yang besar atau banyak.

Gambaran yang saya telah sebutkan itu menunjukkan betapa pentingnya penambahan sumber Kerajaan untuk membantu sektor pertanian luar bandar. Bila saya menyebut sektor pertanian luar bandar, saya tidak memasukkan ladang-ladang atau estet-estet atau kebun-kebun yang dimiliki oleh orang-orang kaya, bahkan saya melihat khasnya terhadap perkara umum diperingkat kampung atau desa atau sektor tradisional.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya iaitu Bandau adalah satu daripada kawasan yang mundur sekali di Malaysia dan masih ada beberapa buah kampung di kawasan ini yang tidak mempunyai kemudahan perhubungan jalan raya dengan pekan atau bandar. Kebanyakan penduduk di kawasan saya tidak mempunyai kemudahan seperti bekalan letrik dan air paip dan sebilangan besar tidak pandai membaca dan menulis. Pendapatan kewangan mereka adalah di antara \$50-\$150 sebulan akan tetapi walaupun taraf hidup rakyat di kawasan saya adalah begitu rendah, kawasan itu mempunyai masa depan yang cerah dan menarik. Kawasan itu adalah satu daripada beberapa kawasan di Sabah di mana terdapat kawasan tanah rata yang luas dan subur. Luasnya adalah sekitar 20 batu panjang dan dengan purata 12 batu lebarnya dengan penduduk yang kecil. Di belakang kawasan tanah rata yang luas itu ialah bukit dan pergunungan yang mengandungi sumber-sumber seperti kayu balak dan galian. Pendek kata rakyat adalah miskin, keadaan atau taraf hidup mereka tidak dilengkapi dengan segala kemudahan atau kenikmatan dan infrastruktur yang diperlukan adalah tidak baik tetapi potensi kawasan itu kejayaan adalah besar. Dengan ini saya merayu supaya kawasan saya itu diberi lebih banyak perhatian dari pihak Kerajaan Federal untuk memperuntukkan lebih banyak sumber kewangan; kajian yang rapi dan serius mengenai potensi kawasan Kota Marudu untuk pembangunan pertanian yang lebih pesat oleh pihak Kerajaan Federal adalah

sangat dialu-alukan. Pertambahan pembangunan bagi kawasan itu akan meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduknya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi lapangan atau aspek perkembangan pertanian yang mempunyai kesan secara langsung ke atas pendapatan kewangan petani-petani ialah mengenai masalah pemasaran yang dihadapi oleh para petani, dalam penglihatan saya bertentangan dengan yang lain. Masalah pemasaran merupakan sebab pertama yang membuat pendapatan kewangan para petani itu tidak bertambah. Ini bukanlah saya mengusulkan bahawa kecekapan dan kemajuan yang dibuat dalam merendahkan harga input, misalnya melalui bantuan perkembangan pertanian sebagai baja biji dan lain-lain tidak sama pentingnya, akan tetapi masalah pemasaran yang dihadapi oleh para petani berpunca terutama sekali dari sumber-sumber luar dan oleh sebab itu adalah lebih sukar dikawal oleh Kerajaan.

Menurut pandangan saya semakin bertambah bahawa keadaan pasaran yang tidak mencukupi dalam menawarkan hati atau menghalang para petani daripada memperkukuhkan dasar penghasilan mereka apalagi memperkembangannya. Kita dapat mengingati bahawa harga berbagai-bagai tanaman tiada bertambah naik sejajar ataupun setaraf dengan kenaikan harga-harga segala barang-barang keperluan atau harga-harga yang berdasarkan inflasi bagi segala barang-barang dagangan. Sebenarnya ada di antara tanaman seperti kelapa dan getah yang harganya telah turun begitu lama baik dalam istilah sejati mahupun dalam istilah nama sahaja. Selain daripada itu harga-harga tanaman yang selalu turun naik atau tidak tetap menyebabkan pasaran yang tidak menarik itu bertambah buruk dari akibat yang biasa iaitu menawarkan hati atau menghalang para petani daripada berusaha mengeluarkan lebih banyak lagi kerana membuat demikian menimbulkan risiko atau kemungkinan rugi. Malangnya bagi para petani di luar bandar hampir kesemua tanaman yang diusahakan di Malaysia menghadapi masalah pasaran yang

tidak menarik sepertimana saya telah sebut, sedangkan pendapatan pengeluaran barang-barang keperluan dan pengeluar hasil industri bertambah seimbang dengan keadaan inflasi, pendapatan para petani tidak bertambah malahan barangkali turun. Kejadian ini menyebabkan perbezaan di antara pendapatan penduduk bandar yang lebih maju dan penduduk luar bandar yang lebih miskin semakin bertambah dan bukannya berkurangan seperti mana yang diinginkan. Memandangkan keadaan ini, saya berpendapat bahawa apa yang diperlukan untuk menambah atau meninggikan pendapatan para petani dengan kesan yang sesungguhnya ialah dengan memulakan corak atau sistem dorongan pemasaran yang wajar dan mudah disesuaikan penyaduran satu sistem umum untuk semua jenis tanaman tidak dapat diambil atau digunakan. Setiap jenis tanaman memerlukan dorongan pemasaran yang khas, membolehkan kelonggaran atau penyesuaian dalam peraturan harga yang diberi kepada para petani.

Saya percaya bahawa apa yang diperlukan di sini memandangkan masalah yang telah disebut ialah supaya Kerajaan memberi pertolongan memulakan pendapatan atau gagasan tentang dorongan pasaran yang sesuai sebagai strategi untuk digunakan oleh berbagai agensi dan badan-badan pertanian.

Sekian lamanya pada masa dahulu kebanyakan bantuan Kerajaan untuk para petani sama ada secara langsung mahupun tidak langsung ditumpukan untuk menambahkan pengeluaran. Tetapi satu contoh skim dorongan pemasaran baru-baru ini digunakan oleh Kerajaan ialah pemberian subsidi pengeluaran untuk pagi. Banyak cara dorongan pemasaran lain dapat diambil untuk menolong para petani, setiap cara boleh dipilih menurut keadaan yang meliputi jenis tanaman itu. Walaupun tidak cukup masa telah berlaku untuk membolehkan penilaian atau pentaksiran tentang kesan pemberian subsidi pengeluaran output terhadap perkembangan penanaman padi di Malaysia, ianya mungkin mendorong atau menggalakkan para petani untuk menambahkan pengeluaran terutama sekali

dalam jangka masa panjang, asalkan tanah yang sesuai dapat diperolehi atau sedia untuk diusahakan.

Berhubung dengan perkara ini, saya harus menegaskan bahawa walaupun kemasukan LPN ke Sabah telah diselaraskan dengan licinnya, banyak penanam-penanam padi mengadu bahawa kemampuannya untuk mengatasi pembelian semua padi yang dijual oleh para petani sangat terhad pada masa ini.

Baru-baru ini di beberapa tempat di Sabah banyak karung-karung berisi padi tertimbun di tepi jalan dan ada yang sudah jadi buruk menunggu kedatangan kereta-kereta LPN untuk mengambilnya. Nampaknya ketidakmampuan LPN cawangan Sabah untuk mengambil kesemua hasil jualan para petani mengakibatkan orang-orang tengah atau peniaga-peniaga membeli padi para petani dengan harga yang rendah dan kemudian menjualkannya kepada LPN dengan faedah subsidi jualan. Lamanya menunggu kedatangan kereta-kereta LPN dan permainan orang-orang tengah atau peniaga-peniaga telah mengecewakan dan seakan-akan menawarkan hati para petani di Sabah baru-baru ini.

Adalah diharapkan agar Menteri Kerajaan Federal yang berkenaan akan membantu mengambil tindakan yang pantas untuk memperbaiki atau menambahkan kesanggupan dan kemampuan LPN cawangan Sabah untuk membeli dan memungut jualan hasil-hasil para petani.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu adalah menjadi harapan ikhlas saya agar sektor pertanian luar bandar dalam ekonomi kita sangat penting atau mustahak bagi pencapaian cita-cita Dasar Ekonomi Baru Malaysia. Dan kerana masalah yang menentang dengan berat sedang berada untuk menutup atau menghalang kemajuan di dalam ekonomi sektor pertanian luar bandar Kerajaan harus mengeluarkan lebih banyak lagi sumber-sumber dengan cara memperuntukkan kewangan dan mengatur pentadbiran yang cekap mahir dan berkebolehan ke dalam jenis organisasi atau pertubuhan yang terlibat dengan perkembangan atau pembangunan pertanian luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulas tentang sesuatu aspek atau langkah yang kita ambil terhadap perindustrian terutama sekali berhubung dengan keadaan di Sabah. Kita sering melihat keadaan di mana Sabah umpamanya mengimport hasil-hasil seperti kacang yang telah dimasak atau digoreng, adunan atau peringkat kacang, kelapa kering, hasil getah, tepung beras, tepung jagung dan seterusnya. Pada hal semua hasil-hasil ini dapat diproseskan dan dihasilkan atau dikeluarkan di Sabah dengan menggunakan bahan-bahan mentah, dari pengeluaran pertanian kita yang sangat besar.

Unit pengeluaran bagi hasil-hasil ini mungkin kecil dan diselenggarakan oleh pengusaha-pengusaha kecil, tetapi ianya akan mengurus untuk pasaran tempatan dan dengan demikian menjimatkan wang pertukaran asing. Ini bererti ada kemungkinan bahawa penubuhan pengusaha-pengusaha secara kecil-kecilan akan timbul di antara rakyat yang miskin yang mana memang diingini atau dikehendaki dari pandang tujuan atau matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh sebab itu dari segi perancangan apa yang diperlukan untuk menarik lebih besar perhatian Kerajaan ialah untuk menguatkan usaha yang lengkap atau menyeluruh terhadap perindustrian dengan berperingkat bergerak beransur-ansur dari jenis pengeluaran tanaman pertanian yang senang ke peringkat pengeluaran yang lebih tinggi dengan menggunakan sumber-sumber bahan tempatan.

Pertimbangan seperti ini memanglah diketahui oleh perancang-perancang Kerajaan, tetapi kepentingan atau keseriusan dan luasnya penerimaan itu tidaklah begitu kuat sebagaimana yang ditunjukkan oleh kekurangan besar firma-firma pengeluaran yang mengeluarkan hasil-hasil yang tidak sukar dari bahan-bahan tempatan untuk pasaran tempatan. Pengimportan hasil-hasil seperti ini masih terus bertambah dengan menguntungkan peniaga-peniaga asing.

Untuk membantu dan menggalakkan orang-orang tempatan merintis atau mempelopori kemasukkan mereka ke dalam

perusahaan dan pengeluaran secara kecil, Kerajaan mungkin perlu memberi dorongan-dorongan yang wajib atau sesuai dan amalan atau kebiasaan ketat dan terlalu keras yang dilakukan oleh bank-bank dalam negara kita ini harus disusun semula dan diberi struktur baru untuk membuatnya tidak terlalu takut akan kerugian juga untuk mengurangkan kadar bunga atau faedah dan keperluan cagaran yang tinggi.

Apa yang harus saya tegaskan di sini ialah untuk mencadangkan ketegasan perhubungan yang dikirakan oleh Kerajaan ke atas strategi lain untuk perindustrian. Adalah menjadi harapan saya agar langkah menyeluruh yang berperingkat akan dapat diberi perhatian yang berkesan secepat mungkin dalam masa-masa akan datang oleh perancang Kerajaan dan pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu kelemahan yang saya mahu menyatakan atau menunjukkan dalam pelaksanaan projek-projek Federal yang seakan-akan menawarkan hati para pemborong dalam pembinaan projek-projek Federal. Banyak pemborong telah mengadu bahawa pembayaran wang kepada para pemborong untuk kerja-kerja yang telah disiapkan atas peruntukan Federal mengambil terlalu banyak masa atau terlalu lama untuk diuruskan, kadangkala ada ketangguhan yang lama dalam pembayaran yang membuat perkara ini menjadi projek itu susah disiapkan dalam masa yang ditentukan kerana para pemborong terpaksa menjalankan kewajipan mereka untuk membayar pekerja-pekerjanya dan pembekal-pembekalnya. Memang kelambatan pembayaran bukanlah polisi Kerajaan, mungkin kakitangan pentadbiran di peringkat rendah dan Akauntan terlalu lambat dan tidak begitu cekap dan tidak begitu dedikasi, tidak kira apa sebabnya untuk kelambatan tersebut. Adalah menjadi harapan saya bahawa di bawah pentadbiran 2M kelambatan untuk pembayaran akan dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menambahkan pengertian dan pengetahuan dalam usaha mencari perkembangan ekonomi dan politik di kalangan ke semua Ahli-ahli Parlimen dan

untuk menguatkan atau mengeratkan identiti kita sebagai bangsa Malaysia, saya merasa bahawa adalah penting bagi kita semua mengadakan sesuatu rancangan untuk menggalakkan supaya lawatan pertukaran di antara Ahli-ahli Parlimen diadakan di setiap kawasan. Ahli-ahli Parlimen dari Semenanjung boleh melawat rakan sejawan mereka di Malaysia Timur dan mengkaji perkembangan-perkembangan atau kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dan juga masalah-masalah kawasan-kawasan masing-masing. Demikian juga Ahli-ahli Parlimen dari Malaysia Timur boleh membuat lawatan ke kawasan Ahli-ahli Parlimen di Semenanjung Malaysia untuk mempelajari dan mengetahui pembangunan yang telah mereka capai dan juga masalah di kawasan mereka. Melalui pengertian dan pengetahuan tentang cara-cara atau langkah-langkah yang diambil dalam kawasan masing-masing dalam usaha mencari perkembangan dan menganalisis masalah-masalah Ahli-ahli Parlimen, masing-masing akan dapat memajukan dan mengatasi rintangan perkembangan-perkembangan di kawasannya sendiri dengan kecekapan dan dedikasi yang meningkat atau bertambah. Ianya akan pasti menambahkan perhubungan atas komunikasi di antara negeri-negeri di Malaysia, terutama sekali di antara Malaysia Timur dan Malaysia Barat. Dalam proses ini rakyat di kesemua negeri dalam Malaysia akan dapat mempelajari menghargai atau menilai semua aspek kesamaan, ketidaksamaan dan masalah-masalah dengan persefahaman yang lebih mendalam dan menguatkan identiti kita sebagai bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Kerajaan Berjaya memegang kuasa pemerintahan dari tahun 1976 rakyat Malaysia di negeri Sabah telah menyaksikan perkembangan yang begitu cepat dari yang pernah mereka alami. Projek-projek kemajuan yang banyak dijalankan di Sabah memberikan pekerjaan kepada banyak rakyat, selain dari memberikan kenikmatan dan mendapatkan pertukaran asing yang diperlukan. Dengan itu adalah tidak betul sama sekali dan merupakan sikap tidak bertanggungjawab bagi anasir-anasir Pembangkang untuk menyerang dan

mengkritik Kerajaan Berjaya di negeri Sabah dalam soal ini, sepertimana DAP mengatakan mengenai kawasan Sandakan. Sebenarnya Sandakan adalah satu daripada beberapa tempat di Sabah yang telah menerima sejumlah besar peruntukan kewangan Kerajaan untuk pembangunan. Misalnya pada masa ini sebuah lapangan kapal terbang sedang dibina di Sandakan yang memakan belanja \$80 juta. Saya percaya bahawa di dalam negara yang berdemokrasi seperti Malaysia adalah perlu disisi Perlembagaan untuk diadakan parti Pembangkang. Sesungguhnya saya percaya bahawa sesebuah parti Pembangkang berguna dan boleh memainkan peranan yang penting dalam pembangunan politik dan ekonomi negara kita, akan tetapi sesebuah parti Pembangkang jangan seharusnya menentang Kerajaan atas berbagai-bagai perkara, hanya semata-mata untuk menentang. Adalah sama tidak mendatangkan faedah untuk memberi pukulan atau tamparan kepada pemerintah atas perkara yang kecil atau persoalan yang tidak mustahak dan di sebaliknya meninggalkan pula soal-soal penting atau perkara-perkara yang mustahak sekali yang mempunyai lebih besar atau lebih luas akibatnya kepada seluruh negara.

Tuduhan liar dan cabaran yang dibuat oleh DAP pada hari semalam tidak perlu dijawab oleh saya atau mana-mana Ahli Parlimen dari Sabah, kerana Datuk Ketua Menteri Sabah sudah telah menyatakan jika DAP mendapati apa-apa perkara yang tidak betul, mereka boleh mengambil tindakan mahkamah.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan tahun 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.57 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, Belanjawan 1983 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan di dalam Dewan Rakyat pada 22hb Oktober, 1982 pada amnya telah dipandang dan diterima sebagai satu belanjawan yang

realistik dan sesuai dalam keadaan negara sekarang ini yang menghadapi tekanan dan kesan dari kemelesetan ekonomi ini untuk menolong mengurangkan kesan-kesan kemelesetan tersebut ke atas prestasi ekonomi kita sendiri. Akan tetapi apabila dipandang pada keseluruhannya Belanjawan tahun 1983 ini tidak semestinya sempurna kerana masih terdapat beberapa kekurangan yang tidak menyenangkan. Satu kajian ke atas cadangan-cadangan belanjawan ada jelas menunjukkan bahawa beberapa galakan yang dibentangkan itu secara kasar ditujukan kepada sektor perniagaan yang besar manakala golongan peniaga kecil seperti penjaja, peniaga dan pengusaha kecil tidak pula menerima faedahnya.

Saya tidak ada apa-apa bantahan kepada keseluruhan galakan untuk sektor perniagaan dan perindustrian yang besar seperti melanjutkan tempoh elau pelaburan semula sebanyak 25% ke tahun 1986, menghapuskan duti eksport sebanyak 5% ke atas beberapa barang pilihan tertentu, pengecualian barang-barang tertentu daripada lesen eksport, peraturan memudahkan import serta membaiki beberapa galakan eksport yang bertujuan untuk menggalakkan peng-eksportan barang-barang keluaran negara kita, kerana langkah-langkah ini akan menolong sektor swasta meningkatkan pertumbuhan ekonomi bagi membendung kesan-kesan kemelesetan. Bagaimanapun, saya menaruh harapan agar Menteri Kewangan meneliti pula keadaan sektor perniagaan kecil dalam saat kemelesetan sekarang dan merangka satu bentuk galakan atau bantuan untuk faedah mereka kerana mereka juga memainkan peranan dalam perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara ini.

Sebagai contoh, saya ingin menarik perhatian Menteri Kewangan kepada cukai pembangunan 5% yang dikenakan ke atas penjaja-penjaja dan peniaga kecil sekiranya pendapatan perniagaan mereka melebihi \$3,000 setahun. Cukai pembangunan ini telah lama menjadi satu beban kepada peniaga-peniaga kecil dan inilah masanya bagi Kerajaan menghapuskan cukai ini. Saya merasa dukacita menyatakan di sini bahawa

Menteri Kewangan tidak membuat apa-apa peruntukan galakan khas untuk perusahaan kecil atau perusahaan yang dijalankan oleh keluarga. Jika dipandang daripada kewujudan sebilangan besar perniagaan dan perusahaan kecil di negara ini yang mana bilangannya berjumlah lebih kurang 10,000 Kerajaan mestilah mengakui hakikat bahawa kewujudan mereka mempunyai peranan penting untuk membangunkan ekonomi pada keseluruhannya.

Memandangkan ini satu pendekatan yang lebih positif hendaklah diambil untuk menggalakkan perkembangan sektor ini dengan merangka dan mencadangkan beberapa bentuk galakan atau bantuan kepada mereka. Masanya telah tiba bagi Kerajaan untuk menyediakan peruntukan lebih kurang \$30 juta bagi penubuhan sebuah Perbadanan Perindustrian Kecil bagi tujuan menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan perusahaan kecil di negara ini. Penubuhan sebuah Perbadanan seumpama itu adalah sangat wajar kerana ianya akan dibekalkan dengan kuasa-kuasa yang perlu dan kepakaran bagi melaksanakan satu dasar dan program pembangunan perusahaan kecil dalam negara ini.

Tuan Speaker, satu lagi perkara yang tidak menyenangkan yang saya ingin membangkitkan di sini ialah bahawa Belanjawan ini tidakpun menumpukan sepenuhnya untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah. Jika Kerajaan boleh menghapuskan duti-duti ke atas minyak wangi, alat-alat solek, cine camera, projektor, peti rakaman suara, transistor radio dan transistor radio yang mempunyai peti rakaman suara yang pada dasarnya bukanlah barang-barang yang perlu, saya tidak nampak apa-apa sebab mengapa Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak boleh menghapuskan cukai ke atas sebilangan besar barang-barang perlu pengguna seperti makanan, pakaian, kasut, kos pengangkutan, minyak dan tenaga. Kerajaan sebagai contoh hendaklah menghapuskan cukai ke atas basikal dan motosikal kerana ianya satu cara pengangkutan untuk golongan berpendapatan

rendah. Beliau juga hendaklah menyemak semula cukai Kerajaan ke atas minyak dengan mengemukakan sedikit potongan dalam harga minyak oleh kerana kita adalah negara pengeluar minyak dan sepatutnya boleh menggunakan sumber-sumber kita untuk memberi faedah kepada rakyat. Duti-duti ke atas buah-buahan seperti orange dan apple hendaklah dihapuskan supaya buah-buahan ini boleh didapati dengan lebih murah untuk para pengguna yang miskin dan berpendapatan rendah. Buah-buahan ini adalah perlu apabila kita menziarahi orang yang sakit.

Penghapusan duti eksport ke atas barang pilihan tertentu akan menolong menggalakkan eksport barang-barang seperti simen, besi, batu marmar dan sebagainya tetapi eksportnya hendaklah hanya dibenarkan jika didapati tidak ada kekurangan dalam pasaran tempatan. Lanjutan tempoh elaan pelaburan semula sebanyak 25% ke tahun 1986 adalah satu lagi langkah yang bermaksud untuk menggalakkan sektor swasta. Penghapusan duti import sebanyak 25% ke atas komputer akan membolehkan sektor swasta memodenkan sistem pentadbiran mereka kepada peringkat yang lebih luas.

Tuan Speaker, walaupun saya menghargai hakikat bahawa semua barang ini perlu adalah dikecualikan daripada cukai jualan, akan tetapi saya tidak bersetuju dengan pertimbangan Kerajaan untuk menaikkan cukai daripada 5% ke 10% dengan sebab hanya hendak meningkatkan imbalan daripada cukai jualan kepada hasil Kerajaan. Cukai jualan telah menjadi salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya inflasi dan dengan menaikkan cukai tersebut 10% malah ke atas barang-barang yang Kerajaan golongkan sebagai tidak perlu maka ianya akan menjadi beban kepada semua rakyat. Mestilah juga tidak dilupakan bahawa barang-barang seperti pakaian, kasut dan minuman ringan dan sebagainya adalah digunakan oleh rakyat biasa. Saya mencadangkan bahawa cukai jualan ini hendaklah dihapuskan atau sekurang-kurangnya dikurangkan dengan tujuan untuk menjadi bantuan kepada rakyat memerangi inflasi.

Tuan Speaker, meluaskan cukai perkhidmatan 10% yang dicadangkan untuk meliputi semua restoran, Coffee House atau lain-lain perniagaan seumpama itu dengan jumlah jualan tahunan sebanyak \$½ juta ke atas, hendaklah dikenakan dengan berhati-hati dengan tujuan para pengguna tidaklah akan dicukai sewenang-wenangnya. Satu masalah mungkin timbul dalam hal ini dan itu ialah bagaimana pengguna boleh mengetahui sama ada restoran-restoran atau tempat-tempat menjual makanan berkenaan memperoleh jualan tahun sebanyak \$½ juta atau tidak.

Tuan Speaker, mengenai cadangan Menteri Kewangan untuk menyemak semula cukai jalan ke atas kereta-kereta yang mempunyai keupayaan enjin yang melebihi 1,200 c.c. untuk kereta penumpang persendirian. Saya berpandangan bahawa apa juga kenaikan ke atas cukai jalan hendaklah dikenakan ke atas kereta-kereta yang lebih 1,600 c.c. dan tidak kepada kereta 1,600 c.c. ke bawah. Ini disebabkan kepada keluarga biasa Malaysia memiliki sebuah kereta yang mempunyai kuasa enjin yang menasabah seperti 1,600 c.c. tidaklah bermakna satu kemewahan.

Tuan Speaker, dengan penyemakan semula dalam cukai jalan Kerajaan hendaklah memastikan bahawa semua jalanraya diselenggara dan dibaiki setiap masa untuk keselamatan mereka yang menggunakan jalan. Perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan kepada orang ramai hendaklah juga diperbaiki untuk kemudahan mereka yang berurusan dengan Jabatan itu.

Dalam pada itu saya ingin merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada permulaan ucapan Belanjawannya bahawa:

“.....kemelesetan ekonomi antarabangsa dijangka akan berterusan sehingga awal tahun hadapan, setidak-tidaknya.”

Saya rasa bahawa Menteri Kewangan nampaknya begitu optimis dalam ramalan beliau kerana tidak seorang pun yang benar-benar boleh berkata dengan penuh keyakinan bilakah keadaan ekonomi akan pulih semula seperti sedia kala. Kita sepatutnya

menimbang berdasarkan sikap berhati-hati, bukan dengan menaruh harapan optimis sahaja. Adalah pendapat saya bahawa Kerajaan pada masa-masa yang lalu telah silap meletak harapan optimis, akibatnya kita yang merasa pukulan kemerosotan belanjawan dan pinjaman. Jika tidak mengeluarkan lebih banyak minyak dari telaga kita kepada tambahan 30,000 tong sehari maka saya rasa keadaan kita akan bertambah buruk lagi.

Tuan Speaker, saya sekarang ingin membahaskan mengenai aspek kawalan ke bertambah dengan pesat akibat dari pinjaman-pinjaman yang luas. Menurut Laporan Ekonomi Tahun 1982-1983 Kerajaan Persekutuan dijangka mendapat pinjaman bersih tahun 1982 berjumlah \$9,950 juta yang merupakan pertambahan sebanyak 42% berbanding dengan pinjaman bersih dalam tahun 1981. Dengan jumlah pinjaman yang akan diperolehi dalam tahun 1982 pinjaman belum selesai Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah \$40 billion berbanding dengan \$30 billion pada akhir tahun 1981 iaitu pertambahan sebanyak 33%.

Kerajaan mungkin tidak merasa bimbang mengenai keadaan hutang negara kita tetapi kepada rakyat Malaysia dan jenerasi akan datang keadaan ini adalah membahayakan. Kami juga merasa bimbang bahawa khidmat bayar hutang kita dijangka bertambah sebanyak 37% kepada \$2,795 juta daripada \$2,046 juta dalam tahun 1981 berikutan dengan pinjaman yang lebih banyak yang diperolehi dalam tahun tersebut disamping faedah yang tinggi yang terdapat dipasaran modal antarabangsa. Juga didapati bahawa perkhidmatan bayaran hutang dalam dan luar negeri sebagai sebahagian belanja mengurus telah mencapai angka yang tinggi sebanyak 23% berbanding dengan 13% sahaja bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga secara purata.

Tuan Speaker, saya sekarang ingin membahaskan mengenai aspek kawalan ke atas perbelanjaan Kerajaan. Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan bahawa Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan kawalan yang ketat ke atas perbelanjaan Kerajaan. Umpamanya

pemenuhan dalam kekosongan jawatan Kerajaan dan mewujudkan jawatan baru dalam perkhidmatan awam telah dibekukan. Beliau juga berkata bahawa Kerajaan telah mengurangkan belanja pengangkutan dan perjalanan dan bahawa penggunaan kemudahan-kemudahan seperti bekalan api elektrik, air, telefon, alat tulis, perkakas, perabot dan lain-lain dalam jabatan Kerajaan telah dikurangkan.

Pada pandangan saya pemotongan di atas adalah tidak benar-benar penting jika ditimbang bahawa terdapat bidang-bidang yang lain yang lebih penting yang mana perbelanjaan Kerajaan hendaklah dikurangkan terus. Contohnya tidak ada disentuh mengenai pemotongan ke atas perjalanan cuti ke luar negeri oleh Menteri-menteri dan Timbalan Menteri termasuk keluarga mereka yang menggunakan perbelanjaan awam sepertimana yang telah disebut oleh wakil dari Kepong. Perjalanan-perjalanan seumpama itu yang boleh jadi dua kali setahun dengan menggunakan perbelanjaan awam adalah satu perbuatan membazirkan wang rakyat dan tidak seharusnya digalakkan. Jika Menteri atau Timbalan Menteri hendak pergi ke luar negeri kerana bercuti, mereka hendaklah menggunakan wang mereka sendiri begitu juga keluarga mereka yang ikut bersama.

Tuan Speaker, satu lagi bidang yang mana perbelanjaan awam seharusnya dikurangkan ialah belanja Pertahanan. Menurut Menteri Kewangan bagi Belanjawan tahun 1983 Pertahanan dan Keselamatan akan diperuntukkan sejumlah \$2,483 juta atau lebih kurang 21% daripada belanja Pembangunan. Pada pandangan saya bahawa pertambahan belanja pembangunan tahunan untuk Pertahanan adalah tidak munasabah kerana sebenarnya negara kita tidak ada ancaman. Saya selalu memperkatakan bahawa oleh kerana keselamatan negara kita tidak ada yang mengancam maka hendaklah dikurangkan belanja Pertahanan, sebaliknya ditumpukan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara kita yang dengan sendirinya adalah unsur terpenting dalam pembangunan kekuatan pertahanan rakyat di negara ini.

Bentuk terbaik pertahanan di negara ini jika terdapat apa-apa ancaman atau pencerobohan ialah memperkenalkan satu sistem yang bertujuan melibatkan setiap rakyat untuk mempertahankan negara. Inilah sebab mengapa kita tetap menggesa perkhidmatan negara diperkenalkan untuk melatih setiap rakyatnya mempertahankan negara ini jika berlaku ancaman luar. Kami harap Kerajaan akan melaksanakan perkhidmatan negara pada masa hadapan.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan bahawa sejumlah \$28,749 juta akan disediakan untuk Belanjawan tahun 1983 dan ini meliputi sebanyak \$17,079 juta untuk perbelanjaan Mengurus dan \$11,670 juta untuk perbelanjaan Pembangunan. Daripada \$2,522 juta yang diperuntukkan untuk perkhidmatan sosial dalam perbelanjaan Pembangunan sejumlah \$189 juta telah diperuntukkan untuk rancangan kesihatan. Walaupun adalah dihargai bahawa sebanyak 45 buah hospital baru akan dibina dan bahawa kemudahan-kemudahan perubatan kepada 40 buah hospital yang ada sekarang akan diperbaiki, akan tetapi saya suka menegaskan di sini bahawa adalah sangat perlu dipastikan bahawa perkhidmatan yang cukup dan baik diberikan kepada rakyat. Tidak guna mempunyai lebih banyak hospital baru jika didapati doktor-doktor tidak cukup untuk memberi khidmat atau jika ubat-ubat tidak cukup untuk rawatan pesakit-pesakit. Telah pun sampai ke pengetahuan saya bahawa hospital-hospital di seluruh negara sedang menghadapi masalah berhubung bekalan-bekalan ubat-ubat tertentu, malah dalam Hospital Besar Kuala Lumpur, ubat-ubat tertentu yang penting tidak disediakan. Sebagai satu contoh sejenis ubat yang murah yang digunakan seperti, dengan izin, dalam bahasa Inggeris "Baby tone" tidak ada disimpan untuk diberikan kepada pesakit. Saya harap keadaan seperti ini akan dibetulkan oleh sebab ubat yang saya sebutkan tadi bukanlah satu ubat luxury.

Tuan Speaker, mengenai masalah bayaran hospital Kerajaan, pihak Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menyemak semula bayaran hospital untuk kelas satu dan dua.

Walaupun saya tidak ada bantahan kepada kenaikan bayaran wad untuk kelas satu tetapi saya rasa bahawa bayaran untuk wad kelas dua dan tiga tidak seharusnya dinaikkan. Golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah hendaklah terus diberikan rawatan perubatan yang baik dalam hospital-hospital Kerajaan sementara golongan yang kaya dan mampu bolehlah diminta supaya membayar lebih jika mereka berkehendakkan rawatan di wad atau kelas satu.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga mengumumkan bahawa sejumlah \$729 juta telah diperuntukkan untuk kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh berbagai agensi seperti UDA, MARA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Memandangkan kepada peruntukan yang begitu besar, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengingatkan berbagai agensi mengenai perlunya tentang public accountability berhubung setiap sen yang mereka belanjakan. Ini disebabkan kegagalan public accountability yang terdapat pada masa lalu telah menyebabkan banyak agensi awam seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan anak-anak syarikatnya mengalami kerugian yang teruk dan mengakibatkan syarikat-syarikat tersebut ditutup. Banyak contoh kelemahan dalam pengurusan kewangan dan kekurangan public accountability didedahkan dalam laporan Juru Audit Negara. Saya menggesa berbagai agensi berkenaan jangan mungulangi lagi kesalahan yang lalu tetapi memastikan accountability dalam menggunakan wang rakyat dan pengurusan kewangan yang sempurna.

Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan telah berjaya mengenal pasti banyak masalah yang terdapat dalam industri perumahan seperti kelewatan dalam meluluskan penukaran syarat tanah dan pelan di samping masalah kemudahan pinjaman perumahan. Keputusan Kerajaan berhubung dengan menyegerakan penukaran syarat tanah dan kelulusan pelan di samping peruntukan kemudahan pinjaman yang perlu untuk industri perumahan adalah dialu-alukan.

Akan tetapi adalah penting bagi Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa keputusan ini diambil kira dan dilaksanakan dengan berkesan. Keputusan-keputusan ini janganlah hanya tinggal di atas kertas sahaja tetapi juga mestilah ianya memberi kesan.

Mengenai perkara pembinaan rumah murah, saya suka mengulangi seruan saya kepada Kerajaan supaya menubuhkan sebuah Perbadanan Perumahan Negara untuk menyelaraskan usaha semua agensi-agensi dan Kerajaan Negeri yang terlibat dengan pembinaan perumahan dengan tujuan untuk memberi keberkesanan dalam melaksanakan rancangan perumahan. Dalam hubungan ini satu dasar perumahan negara hendaklah dirumuskan untuk dilaksanakan. Lebih banyak penekanan hendaklah diberi kepada pembinaan rumah kos rendah yang berharga kurang daripada \$100 ribu oleh sektor awam dan swasta. Permintaan untuk rumah-rumah tersebut sangat besar memandangkan pelaksanaan skim perumahan baru yang diumumkan pada 31hb Mac, 1982. Sehingga akhir bulan Jun 1982 sejumlah 32,629 unit rumah kos rendah telah didirikan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Ini merupakan hanya 12.3% daripada jumlah matlamat 266,500 yang dirancang untuk Rancangan Malaysia Keempat.

Saya menggesa Kerajaan supaya membuat semua usaha yang perlu untuk memastikan pencapaian matlamat perumahan dan ini memerlukan pelaksanaan projek perumahan yang berkesan menerusi sebuah perbadanan perumahan. Dengan lebih banyak rumah dibina terutamanya untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah langkah-langkah mestilah diambil untuk memastikan satu dasar peruntukan yang adil untuk semua kaum bagi mencerminkan komposisi berbagai kaum di negara ini.

Berhubung dengan Kuala Lumpur, saya ingin mencadangkan bahawa seharusnya ada satu peruntukan yang lebih besar untuk penduduk-penduduk bukan bumiputera kerana mereka merupakan pemohon terbesar

untuk rumah-rumah kos rendah atau rumah pangsa. Langkah-langkah hendaklah diambil untuk memastikan bahawa rumah kos rendah hanya diperuntukkan kepada mereka yang layak iaitu mereka yang sudah berkeluarga tetapi belum memiliki rumah sendiri ataupun tanah di mana-mana.

Tuan Speaker, daripada jumlah \$2,522 juta yang diperuntukkan kepada sektor sosial dalam perbelanjaan pembangunan tahun 1983, satu peruntukkan besar berjumlah \$1,166 juta ialah untuk pelajaran bagi menyediakan keperluan pelajaran yang kian bertambah dan kemudahan-kemudahan untuk kumpulan kanak-kanak yang bersekolah.

Menurut Menteri Kewangan Kemudahan ini termasuklah pembinaan 423 buah sekolah baru. Dengan memandangkan kepada perkara di atas saya ingin mengambil peluang ini untuk menggesa Kerajaan supaya mendirikan lebih banyak Sekolah Rendah Cina terutamanya dalam kawasan-kawasan yang sesak dengan kaum Cina supaya rakyat Malaysia keturunan Cina boleh mengamalkan hak mereka dari segi perlembagaan bagi membolehkan anak mereka menerima pelajaran menerusi bahasa ibunda mereka.

Rancangan Malaysia Keempat iaitu Perenggan 1000 ada mencatatkan bahawa pendaftaran pelajar di peringkat rendah dalam Sekolah-sekolah Kerajaan dan Sekolah bantuan Kerajaan dianggar meningkat dari \$2,600,760 dalam tahun 1980 ke 2,260,366 dalam tahun 1985. Dalam tempoh itu 8,000 buah bilik darjah akan dibina untuk memenuhi tidak sahaja kekurangan kemudahan bilik darjah yang terdapat sekarang tetapi juga peningkatan dalam pendaftaran.

Peningkatan jumlah pendaftaran di sekolah rendah terutamanya di Sekolah-sekolah Rendah Cina hendaklah ditampung dengan menambah bilangan sekolah di seluruh negara. Akan tetapi keadaan ini sebaliknya, jumlah bilangan Sekolah Rendah Cina di seluruh negara pada hari ini ialah 1,387 buah iaitu 987 buah di Semenanjung Malaysia dan 400 buah lagi di Malaysia Timur.

Untuk Wilayah Persekutuan yang mempunyai penduduk berjumlah lebihkurang satu juta orang dimana kaum Cina menjadi kumpulan terbesarnya adalah mendukacitakan dinyatakan di sini bahawa hanya terdapat 41 buah Sekolah Rendah Cina sahaja. Bilangan ini akan dikurangkan kepada 40 buah kelak apabila sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pui Chai akan ditempatkan semula di Petaling Jaya. Jika kita mengambil pertimbangan keperluan pendaftaran sekolah terdapat satu kekurangan berjumlah lebihkurang 20 buah Sekolah Rendah Cina dalam Wilayah. Untuk tempoh beberapa tahun yang lalu kurang daripada 10 buah Sekolah Rendah Cina telah didirikan dalam negara ini.

Memandangkan perkara di atas saya suka menggesa Kerajaan supaya memberi pertimbangan yang serius betapa perlunya membina lebih banyak Sekolah Rendah Cina bagi memenuhi pertambahan pendaftaran.

Sebagai tambahan kepada seruan saya supaya lebih banyak Sekolah Rendah Cina didirikan saya juga menggesa Kerajaan memastikan bahawa peruntukan pelajaran dibahagi dan digunakan dengan adil supaya penyelenggaraan yang sempurna ke atas Sekolah-sekolah Rendah Cina dapat dilakukan dengan sempurna untuk menampung perkembangan di samping menyediakan guru-guru terlatih yang mencukupi untuk mengajar di sekolah-sekolah itu.

Selama ini Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) telah dilupakan dari segi penyelenggaraan dan kemudahan-kemudahan untuk sekolah-sekolah itu. Kerajaan hendaklah menghentikan perbuatan diskriminasi atau menganaktirikan Sekolah-sekolah Rendah Cina tetapi sebaliknya memberi mereka peruntukan yang cukup untuk menampung penyelenggaraan dan pertambahan bagi memenuhi peningkatan dalam pendaftaran.

Hakikat bahawa terdapat ramai rakyat keturunan Cina yang hendak menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Rendah Cina untuk mengesahkan bahawa mereka hendak

mengamalkan hak Perlembagaan untuk mereka mengenal pelajaran menerusi bahasa ibunda.

Tuan Speaker, menurut Menteri Kewangan Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan pelajaran di peringkat tinggi. Kepentingan pelajaran tinggi haruslah diberikan penekanan semula di sini terutama berhubung dengan keperluan mendapatkan lebih banyak tempat pelajaran di universiti. Rancangan Malaysia Keempat ialah tentang perenggan 986 ada mencatatkan bahawa pendaftaran pelajaran tinggi bertambah sebanyak 235.5% dari 1,364 pada tahun 1970 ke 38,126 dalam tahun 1980. Rancangan Malaysia Keempat juga menganggarkan bahawa pada tahun 1985 terdapat pertambahan lagi sebanyak 56.8% iaitu dari 38,125 ke 59,788. Memandangkan kepada pertambahan yang dianggarkan dan juga memandangkan hakikat bahawa pelajaran ialah satu alat penting dalam memenuhi keperluan tenaga pekerja, Kerajaan hendaklah menyediakan peruntukan untuk mendirikan universiti keenam dalam negeri ini. Ini semua adalah amat perlu memandangkan kesusahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Malaysia kerana kos pelajaran seberang laut yang kian meningkat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Speaker, di samping menggesa penubuhan universiti keenam saya ingin pada masa yang sama ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan penambahan tempat belajar di universiti dalam lima buah universiti yang ada sekarang. Dalam hubungan ini, saya juga ingin mencadangkan supaya di samping memberi bantuan penuh kepada pelajar-pelajar bumiputra untuk membolehkan menguasai peluang-peluang pelajaran tinggi, Kerajaan hendaklah juga mengambil langkah menambah jumlah pengambilan pelajar-pelajar bukan bumiputra ke dalam universiti-universiti kita.

Hendaklah menjadi dasar Kerajaan untuk menyediakan peluang pelajaran yang cukup untuk memberi pendidikan kepada rakyat

Malaysia sejauh yang termampu dan terdaya oleh mereka kerana ini akan memberi faedah kepada negara pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapannya Menteri Kewangan ada bercakap mengenai peranan Persatuan Pengguna dalam menolong menggerakkan tenaga pengguna untuk mencegah dan mengurangkan salah amalan dalam perniagaan dan kenaikan harga yang tidak menasabah. Walaupun kegiatan Menteri itu dihargai sepenuhnya tetapi mestilah disedari bahawa matlamat yang digariskan oleh Menteri itu hanya boleh dicapai jika kita mempunyai satu pergerakan pertubuhan Pengguna yang kuat dan tersusun dalam negara ini untuk menolong rakyat memerangi masalah inflasi dan kenaikan harga yang tidak patut. Apa yang pengguna ingin melihat dalam Malaysia ialah sebuah pergerakan pengguna yang lebih dinamis, yang berkuasa yang boleh memainkan peranan sepertimana persatuan pengguna ada memainkan di negara-negara maju yang boleh mewujudkan suatu kesan dan meninggalkan akibat yang diinginkan apabila membangkit isu-isu pengguna.

Di Malaysia terdapat banyak hal yang mana Kerajaan boleh berbuat untuk memperkuatkan pergerakan pengguna. Satu cara ialah bagi Kerajaan memberikan peruntukan kewangan yang besar kepada badan-badan pengguna yang berminat melaksanakan berbagai-bagai projek yang bertujuan menggalakkan pengguna. Salah satu bentuk pertolongan ialah Kerajaan hendaklah menyediakan dan memperkenalkan undang-undang sokongan (back-up legislation) yang memperkuatkan pergerakan pengguna. Sebuah persatuan pengguna akan kuat dengan syarat ianya disokong oleh undang-undang yang progresif yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk melindungi kepentingan pengguna. Memandangkan hal di atas saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah menimbang memperuntukkan undang-undang baharu berhubung untuk memberi perlindungan yang berkesan kepada pengguna. Dalam hubungan ini, saya menggesa Kerajaan supaya memperkenalkan

satu akta perlindungan pengguna yang komprehensif untuk memastikan perlindungan yang secukupnya ke atas kepentingan pengguna dalam negara ini.

Di bawah undang-undang ini peruntukan boleh dibuat untuk penubuhan sebuah majlis hal ehwal pengguna dan perlantikan seorang Pesuruhjaya Hal Ehwal Pengguna.

